

# Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 178 ● 19 - 25 OGOS 2022 ● PP19441/12/2018 (035014)

PERCUMA

[www.wilayahku.com.my](http://www.wilayahku.com.my)

@ wilayahku.com.my

f Wilayahku

@akhbarwilayahku

Wilayahku

WK TV

## PATI Pasar Borong: RM100 satu kepala

JALALUDDIN mendengar penerangan yang diberikan Timbalan Ketua Polis KL, Deputi Komisioner (DCP), Datuk Yahaya Othman selepas mengumpulkan wagra asing untuk tujuan saringan air kencing dan tapisan JIM.



**R**ATUSAN Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) bekerja di Pasar Borong Kuala Lumpur. Mereka membentuk koloni sendiri dan saling bekerjasama untuk mengelak pihak berkuasa.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias pada Rabu bersama Polis, Jabatan Imigresen, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan Penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur melakukan serbuan bersepadu di kawasan tersebut.

Puluhan PATI ditangkap selepas 400 individu diperiksa. Apa yang memerlukan adalah bagaimana mereka ini menyewa bilik yang padat dengan harga RM100 satu kepala.

BERSAMBUNG DI MUKA 2

Imbas kod QR untuk tonton video berita ini.



Teater Elyas Emas: Singkap kemilau jasa Tan Sri Elyas Omar >> 9, 10 & 11



Semarakkan kembali Mara Digital Mall >> 6



Kelazatan Y&A Pisang Goreng Cheese buat pengunjung teriur >> 16



Butik Nurhannah himpun lebih 60 pilihan tudung, busana muslimah >> 21

# KSU KWP turun padang tinjau harga barang keperluan harian di ibu kota

AZLAN ZAMBRY

**K**ETUA Setiausaha (KSU) Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Datuk Seri Rosida Jaafar menjalankan pemantauan bagi meninjau harga barang keperluan di beberapa kedai runcit sekitar Taman Bukit Angkasa, Pantai Dalam dalam satu operasi pada Khamis.

Beliau berkata tindakan itu diam-bil selaras dengan arahan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim di dalam Mesyuarat Pasca Kabinet peringkat KWP Rabu lalu yang mahu memastikan peniaga sentiasa mematuhi peraturan berkenaan dan tidak membebankan pengguna.

Katanya, meskipun tindakan pemantauan itu merupakan bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), pihaknya mengambil inisiatif tambahan bagi memastikan warga Wilayah Persekutuan tidak terbeban dengan kos sara hidup yang semakin tinggi

terutama di Kuala Lumpur.

“Sepanjang pemantauan di empat buah kedai runcit, kami mendapati peniaga mematuhi peraturan yang telah ditetapkan, bahkan ada beberapa barang dijual di bawah harga kawalan.

“Kami juga dapat minyak masak paket agak sukar didapati di sini dan beberapa premis sudah putus bekalan minyak masak paket serta tepung gandum sejak dua minggu lalu dan ia akan diadukan kepada pihak KPDNHEP untuk tindakan lanjut,” katanya kepada *Wilayahku* selepas operasi pemantauan itu pada Khamis.

Hadir sama, Timbalan Penggarah Kanan 1, Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Mohd Muzammer Jamaluddin dan Timbalan Setiausaha Bahagian Sosio Ekonomi KWP, Mohd Mahyuddin Yahya.

Menjelas lanjut, Rosida berkata walaupun pihaknya tidak mempunyai kuasa dalam melaksanakan tindakan penguatkuasaan, teguran dan nasihat akan diberikan sekiranya didapati



TINDAKAN proaktif pengurusan KWP turun padang untuk memastikan bekalan keperluan mencukupi dan harga yang tidak membebankan pengguna.

ada peniaga-peniaga yang melanggar peraturan dan akta berkaitan.

“Ada satu kedai yang kita dapat berlaku sedikit peningkatan harga dan kita telah menegur.

“Selanjutnya kami mungkin akan memaklumkan kepada KPDNHEP untuk tindakan susulan kerana

menaikkan sedikit harga barang.

Menurut Rosida, pihaknya akan turun secara agresif setiap hari di semua kawasan parlimen bagi memastikan warga Wilayah Persekutuan membeli dengan harga yang dikawal kerajaan.

“Kita akan turun padang secara berjadual dan ia tidak dihebahkan kepada orang ramai kerana ia dilaksanakan secara ad hoc sahaja bagi mengelakkan golongan peniaga menyelaraskan harga sebelum ketibaan pihak pemantau.

“Operasi ini melibatkan semua Timbalan KSU, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan (PL) serta pegawai kanan agensi masing-masing,” katanya.

Katanya, pihaknya juga mengambil kesempatan itu untuk menyemak pekerja asing yang diupah peniaga bagi memastikan mereka tidak melanggar syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan mendapati peniaga mematuhi peraturan yang telah ditetapkan. **WK**

## Pemilik premis kaut untung lumayan: Lima bilik, puluhan PATI

DARI MUKA HADAPAN

**T**IMBALAN Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias memberi amaran keras terhadap pemilik premis perniagaan yang menyewakan premis kepada pihak ketiga khususnya Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI).

Jelasnya, tindakan itu bakal dikenakan terhadap pemilik premis perniagaan yang dikesan memberi sewaan premis kepada warga asing sehingga wujud budaya monopoli perniagaan di sekitar pasar borong.

“Kita mendapati kebanyakan pemilik premis perniagaan berlesen telah menyewakan premis kepada pihak ketiga termasuklah PATI.

“Pemeriksaan dilakukan mendapati ada satu premis itu diubah suai untuk menempatkan lima bilik yang disewa puluhan warga asing yang dikenakan bayaran

RM100 bagi setiap ‘kepala’ (individu) sebulan.

“Hasil pemeriksaan dilakukan juga, kami menyita enam premis serta barang jualan yang didapati dikendalikan oleh warga asing,” katanya pada sidang media di Pasar Borong Kuala Lumpur pada Rabu.

Jalaluddin berkata pihaknya akan terus menjalankan operasi bersepadu dan pemeriksaan dengan agensi-agensi penguatkuasaan yang lain bagi memastikan premis-premis di sekitar ibu kota mematuhi syarat lesen perniagaan.

“Ini termasuk mengambil tindakan membatalkan lesen mereka serta-merta termasuk menyita barang jualan,” katanya.

Menurut Jalaluddin, operasi itu diadakan untuk membanteras penyalahgunaan dadah serta penyewaan premis perniagaan kepada warga asing yang diubah

suai sebagai tempat tinggal.

“Kita akan meningkatkan operasi di seluruh ibu kota bagi mengesan individu yang melanggar undang-undang sekali gus mengekang aktiviti haram secara menyeluruh,” katanya.

Sementara itu, impian lapan warga Myanmar yang baru tiba ke negara ini awal pagi Rabu untuk bekerja lebur apabila mereka ditahan dalam operasi bersepadu di sekitar Pasar Borong Kuala Lumpur.

Timbalan Ketua Polis Kuala Lumpur Deputi Komisioner (DCP), Datuk Yahaya Othman berkata turut ditahan dalam operasi berkenaan seorang lelaki tempatan yang dipercayai tekong yang membawa semua warga Myanmar berkenaan.

“Kesemua lelaki yang ditahan berumur lingkungan 20 hingga 40 tahun, mereka ditahan mengikut Seksyen 5 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSON) 2007,” katanya.

Katanya, operasi tersebut dijalankan untuk membanteras kegiatan gangsterisme, kongsi gelap dan penyalahgunaan dadah dalam kalangan warga asing selain mengekang kawasan tersebut dari kemasukan PATI.

“Dari segi aktiviti gangsterisme di sini, kami mendapati tiada mana-mana pihak yang memonopoli kawasan ini.

“Cuma mereka lebih kepada bersaing mendapatkan kerja dan berlumba-lumba menguasai pasaran perniagaan di kawasan ini,”

katanya

Dalam pada itu, Yahaya berkata pihaknya turut menahan kira-kira 18 warga asing kerana positif dadah dalam operasi berkenaan.

“Seramai 400 warga asing

diperiksa dalam operasi berkala hari ini yang turut disertai oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Imigresen dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK),” katanya. **WK**



JALALUDDIN (tengah) memeriksa dokumen yang dimiliki warga asing dalam operasi bersepadu di Pasar Borong Kuala Lumpur pada Rabu.

Item	Harga
BERAS 5KG	RM 11.00 / KAMPIT
TEPUNG 2.5KG	RM 2.80 / PEK (1KG)
GULA 1KG	RM 2.70 / PEK (1KG)
SARDIN 425 GRAM	RM 6.80 / TIN (425 GRAM)
SUSU 2.5L	RM 2.90 / TIN
SANTAN 200ML	RM 2.90 / KOTAK (200 ML)

Jualan Barang Terpilih Pada Harga Subsidi.

Pemilik disenarai hitam seumur hidup

# DBKL batal lesen Kelab Crackhouse

AZLAN ZAMBRY

**P**EMILIK Crackhouse Comedy Club di Taman Tun Dr Ismail di sini berdepan dengan tindakan senarai hitam lesen perniagaan untuk seumur hidup.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Jalaluddin Alias** berkata tindakan itu diambil melalui Jawatankuasa Pelesenan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang telah bermesyuarat pada 29 Julai lalu.

"Penamatian dan pembatalan lesen kelab berkenaan bermula 30 Julai.

"Pemilik serta tuan punya kepada kelab ini telah disenarai hitamkan selama-lamanya dan mereka tak

boleh mendaftarkan sebarang aktiviti perniagaan di Kuala Lumpur walaupun menggunakan nama dan syarikat berlainan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Operasi Bersepadu Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di Pasar Borong Kuala Lumpur baru-baru ini.

Jalaluddin berkata pihaknya juga sedang menyiasat secara terperinci beberapa kelab yang terlibat dengan aktiviti seumpama itu secara dekat.

"Kita sedang melihat secara terperinci tentang aktiviti mereka supaya sebarang lesen hiburan yang dikemukakan dan keluarkan kepada pemis ini mesti meng-



TINDAKAN DBKL yang menyenaraikan hitam nama pemilik seumur hidup dapat memberi pengajaran kepada pemilik premis untuk menjaga sensitiviti kaum dan agama dalam negara.

kut kod dan peraturan yang ditetapkan.

"Bagi yang melanggar syarat perlesenan maka mereka tidak akan terlepas daripada tindakan tegas DBKL," katanya.

Pada 10 Julai lalu, DBKL telah menggantung sementara lesen kelab berkenaan dan didapati tidak mempunyai lesen hiburan sejak 2014 hingga 2017.

Pelawak dan pengasas bersama sebuah kelab tersebut sebelum didakwa di Mahkamah Sesyen atas tiga pertuduhan membuat dan memulakan hantaran video yang menyentuh sensitiviti kaum dalam aplikasi Facebook, Instagram dan TikTok.

Tertuduh, Mohamad Rizal Johan Van Geyzel, 39, bagaimanapun tidak mengaku salah selepas pertuduhan berkenaan dibacakan juruhahaha mahkamah di hada-

pan Hakim Nor Hasniah Ab Razak.

Rizal menjadi tumpuan kontroversi selepas video yang tersebar di media sosial menyebabkan pihak tertentu tidak berpuas hati dengan persembahan komedinya.

Terdahulu, Siti Nuramira Abdullah, 26, yang tular selepas menanggalkan baju kurung dan tudungnya di kelab komedi mengaku tidak bersalah atas pertuduhan menyebabkan suasana tidak harmoni menggunakan agama di kalangan sesama Islam di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada 13 Julai lalu.

Malah, teman lelakinya yang juga penulis bebas, Alexander Navin Vijayachandran turut didakwa di mahkamah berasingan atas tuduhan memuat naik kandungan jelik di media sosial pada hari sama. WK

Imbas kod QR untuk tonton video berita ini.



## Pertahankan kerajaan daripada fitnah - PM

TINDAKAN penjawat awam mempertahankan kerajaan daripada fitnah bukan tindakan berpolitik kata Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Dalam himpunan bulanan bersama kakitangan Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Putrajaya pada Selasa, Ismail berkata penjawat awam wajar mempertahankan kerajaan dengan melihat beliau sebagai ketua kerajaan dan mereka bukannya mempertahankan parti politik.

Perdana Menteri berkongsi kejayaan dikecapi kerajaan antaranya pencapaian cemerlang Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang merekodkan pertumbuhan 8.9 peratus pada suku kedua tahun ini, selain mewujudkan pekerjaan mencecah 400,000 serta prestasi nilai dagangan mele过asi RM2 trilion.

"Apabila tuan puhan mempertahankan, tuan puhan tidak berpolitik. Jangan lihat saya sebagai pemimpin politik tetapi sebagai ketua kerajaan dan tuan puanlah anggota kerajaan."

"Kerajaan ini adalah kerajaan bersama. Sebab itu saya perkenalkan konsep Keluarga Malaysia sebab saya nak kita bersama anggap kerajaan ini sebagai satu keluarga," katanya.

Perjumpaan itu turut dihadiri Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Mohd Zuki Ali. WK

## Tiada kenaikan harga barang di Labuan

HARGA barang keperluan asas seperti gandum, gula dan minyak masak di Pulau Bebas Cukai ini kekal stabil.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan (PL), **Rithuan Ismail** berkata Pihak Berkua Tempatan di sini telah menyelaras dengan agensi dan pembekal makanan yang berkaitan untuk memastikan tiada gangguan dalam rantaian bekalan makanan.

"Pemeriksaan bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di pasar raya besar dan

pasar raya mendapati tiada kenaikan harga dan bekalan barang keperluan mencukupi," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pemantau harga di salah sebuah pasar raya di sini, baru-baru ini.

Bagaimanapun, Rithuan berkata bahawa bekalan telur ayam di pulau ini masih tidak mencukupi dan harga telur dalam kategori yang tiada dalam senarai harga kawalan telur Gred AA, D dan Omega.

Sementara itu, Pengarah KPDNHEP Labuan, Junaidah Arbain berkata kementerian telah mengambil beberapa langkah

untuk memastikan kesinambungan bekalan sentiasa mencukupi.

Beliau berkata, pihaknya turut menasihati pemborong dan peruncit supaya menguruskan stok simpanan mereka secara bertanggungjawab.

Junaidah turut memberi peringatan kepada peniaga supaya mengelak daripada menyorok bagi mengelakkan lonjakan harga, pembelian panik dalam kalangan pengguna di Labuan.

"Penghantaran yang terlambat dan permintaan meningkat berikutkan kebimbangan pengguna yang menyimpan stok telah menyebabkan kenaikan harga barang keperluan dalam beberapa minggu kebelakangan ini, terutama di kawasan kampung," katanya.

Beliau turut menyediakan senarai terkini harga semasa beberapa barang keperluan di sini, termasuk ayam standard RM11.30 sekilogram (kg), ayam super (RM12.30 sekilogram), gula (RM2.85 sekilogram) dan tepung gandum (RM3 hingga RM4.90 sekilogram bergantung kepada jenama). WK



LAWATAN turun padang KPDNHEP Labuan bersama PL diteruskan bagi memantau harga barang.

**JUALAN MURAH**  
Keluarga Malaysia

**Menawarkan penjualan barang keperluan harian terpilih pada harga subsidi kepada Keluarga Malaysia di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.**

Nantikan...  
**20-21 Ogos 2022**

MY Grocer @Wilayah

DBKL cadang tutup Jalan TAR setiap Ahad

# Budayakan amalan jalan kaki

**D**EWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bercadang untuk menutup Jalan Tuanku Abdul Rahman yang lebih dikenali sebagai Jalan TAR, untuk kegunaan kenderaan pada setiap Ahad bermula 28 September.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Jalaluddin Alias** berkata cadangan itu bagi menggalakkan budaya berjalan kaki dalam kalangan warga kota dan DBKL sedang melakukan sesi libat urus dengan pihak di kawasan terbabit bagi membolehkan penutupan jalan itu direalisasikan.

"Kami hendak tutup Jalan TAR dari simpang Jalan Esfahan sehingga ke Jalan Tun Perak bermula 6 pagi sehingga 12 tengah malam untuk rakyat membudayakan amalan berjalan kaki," katanya di Dewan Negara baru-baru ini.

Jalaluddin berkata pelbagai program pengisian turut dirancang untuk dilaksanakan sepanjang penutupan jalan itu termasuk persembahan pemuzik jalanan



CADANGAN itu bertujuan menggalakkan warga kota mengamalkan budaya berjalan kaki bermula 28 September ini.

(buskers), persembahan seni kreatif serta program sukan tradisional.

Selain itu, beliau berkata DBKL juga sedang meneliti cadangan un-

tuk melaksanakan perkara yang sama di persimpangan Jalan Pudu sehingga ke persimpangan Jalan Bukit Bintang.

Berkenaan projek menaik taraf infrastruktur laluau pejalan kaki, Jalaluddin berkata 23 kawasan dikecil pasti sebagai berpotensi untuk dinaik taraf.

"Projek tersebut dirancang supaya ia mempunyai satu jaringan yang lengkap dan apabila ia siap kelak akan memberikan imej baharu atau perjenamaan semula kepada kawasan yang terlibat dan secara tidak langsung boleh dijadikan tarikan pelancongan," katanya.

Menjawab soalan tambahan Senator Datuk Seri Zurainah Musa berkenaan langkah diambil DBKL untuk menjamin keselamatan pejalan kaki, Jalaluddin berkata kira-kira 5,000 kamera litar tertutup (CCTV) telah dipasang di seluruh bandar raya dengan 2,062 daripadanya tertumpu kepada laluau pejalan kaki, selain 250 petugas penguat kuasa menjalankan rondaan dari semasa ke semasa.

"Jangan risau, keselamatan anda dijamin. Galakkalah amalan berjalan kaki," katanya. WK

# DBKL tetapkan had masa ubah suai rumah

**P**EMILIK rumah di Kuala Lumpur yang ingin mengubah suai kediaman mereka perlu menyiapkan kerja dalam tempoh setahun dari tarikh pelan pengubabsuaian diluluskan.

Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, **Norizan Sulaiman** berkata mulai awal tahun ini, semua pelan pengubabsuaian rumah yang diluluskan DBKL hanya akan sah selama setahun.

Katanya, keputusan itu diambil setelah diberi kebenaran oleh

jawatankuasa Pusat Sehenti (OSC) yang diketuai Datuk Bandar, Datuk Seri Mahadi Che Ngah.

"Sekiranya pemilik rumah gagal menyiapkan pengubabsuaian dalam tempoh setahun dari tarikh kelulusan, mereka perlu memohon untuk memperbaharui pelan tersebut.

"Tetapi mereka mesti memberikan alasan yang munasabah untuk menyakinkan OSC," katanya.

Menurut Norizan, bahawa pelan itu hanya boleh diperbaharui sehingga tiga kali sahaja dan bayaran

untuk memproses kelulusan ialah RM100 bagi setiap permohonan, katanya.

Sebelum ini, tiada tempoh sah untuk pelan ubah suai rumah. Keputusan itu dibuat kerana seseorang pemilik rumah mengambil masa bertahun-tahun untuk menyelesaikan pengubabsuaian.

Norizan berkata jumlah aduan mengenai gangguan yang disebabkan oleh pengubabsuaian yang tidak berkesudahan semakin meningkat.

"Tidak adil untuk orang ramai

atau jiran-jiran yang terpaksa bersabar dengan kerja-kerja ubah suai yang tidak berkesudahan serta mereka juga terdedah kepada bahaya pencemaran habuk," tambahnya.

Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 tidak menyediakan jangka masa untuk pengubabsuaian disiapkan.

Pada masa lalu, mereka yang terjejas oleh pengubabsuaian jiran mereka yang menjadi isu keselamatan boleh mengambil tindakan di bawah Akta Kerajaan Tempatan.

## SIDANG REDAKSI

### PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz  
azlanaziz@yayasanwp.org.my

### PENGARANG KANAN

Helme Hanafi  
helme.hanafi@gmail.com

### WARTAWAN KANAN

Azlan Zambray  
azlanwilayahku@gmail.com  
Aini Roshidah Ahmad Mawawi  
ainiwilayahku@gmail.com

### WARTAWAN

Khairul Idin  
khairulwilayahku@gmail.com  
Deel Anjer  
deelanjer@gmail.com  
Sabrina Sabre  
sabrinawilayahku@gmail.com  
Hazirah Halim  
hazirahwilayahku@gmail.com  
Diana Amir  
dianawilayahku@gmail.com

### GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid  
lemandecaprio@gmail.com  
Mohd Affandy Annuar  
affandywilayahku@gmail.com  
Fauzi Taib  
adhamfauzi05@gmail.com

### JURUFOTO & VIDEO

Mohd Aminullah Farij Hasan  
aminwktv@gmail.com  
Muhammad Syuqqree Mohd Dain  
syuqqreewilayahku@gmail.com

### KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir  
fatihah@yayasanwp.org.my  
Nurul Hazwani Haslan  
nhmm8686@gmail.com

### OPERASI & PEMASARAN

Roslee Hanafi  
roslee@yayasanwp.org.my

Mereka yang terjejas boleh membuat aduan kepada DBKL dan Pihak Berkusa Tempatan boleh memaksa pemilik rumah untuk membaiki pembakaian yang disebabkan oleh pembinaannya.

Sebagai alternatif, penduduk yang terjejas juga boleh mengambil saman sivil atau menyaman pihak berkusa tempatan untuk memaksa mereka mengambil tindakan. WK

## CERTA KEDAI KOPI

### Kerja 45 jam seminggu

**MULAI** 1 September 2022, waktu bekerja baru 45 jam seminggu akan dikuat kuasa berbanding 48 jam sekarang. Ini bererti pengurangan waktu kerja tiga jam setiap minggu, tidak kiralah sama ada hari bekerja enam hari atau lima hari.

Pengurangan waktu ini akan selari dengan hari bekerja. Jika lima hari bererti kurang tiga jam dalam lima hari, begitu juga jika enam hari bekerja. Kawan-kawan Kedai Kopi berpendapat peraturan baharu ini mampu meringankan sedikit beban pekerja.

Mungkin ada yang beranggapan pengurangan tiga jam tidak banyak. Tetapi yang penting sekurang-kurangnya ini adalah langkah permulaan. Pada masa hadapan tidak mustahil pengurangan waktu boleh dipertimbangkan lagi jika apa yang bakal dilaksanakan kali ini terbukti berjalan lancar.

Kerana itu pekerja sektor awam atau swasta mesti memastikan kurang waktu tidak bermakna kurang produktiviti atau semangat bekerja menurun. Sebaliknya ia wajar dijadikan pendorong untuk menjalankan tugas dengan lebih baik.

Kawan-kawan Kedai Kopi percaya, ramai masih belum memahami bagaimana

kaedah kerja menurut waktu baharu ini akan dilaksanakan. Atau dalam erti kata mudah, bagaimana tiga jam itu hendak 'dipotong' daripada setiap waktu bekerja.

Difahamkan, Kementerian Sumber Manusia ada memberi garis panduan melaksanakannya, dengan mencadangkan kaedah yang boleh diguna pakai oleh majikan atau industri melaksanakan peraturan baharu itu.

Antaranya ialah mengurangkan waktu kerja harian dalam seminggu. Jumlah tiga jam atau 180 minit dibahagi lima berjumlah 36 minit. Maka waktu kerja setiap hari boleh dikurangkan sebanyak 36 minit daripada yang berkuat kuasa sekarang.

Satu lagi kaedah ialah jika bekerja enam hari seminggu, Isnin hingga Sabtu selama lapan jam sehari, majikan boleh memendekkan waktu kerja sebanyak tiga jam pada mana-mana hari tertentu. Misalnya ambil hari Isnin. Jika biasanya lapan jam, akan menjadi lima jam sahaja. Begitu juga jika memilih hari lain. Jika pemilihan seperti ini dibuat bererti pengurangan hanya sehari sahaja dalam seminggu.

Kaedah yang dicadang kementerian ini memberi kebebasan kepada majikan memilih mana yang sesuai untuk dilaksanakan menurut kesesuaian operasi masing-masing, asalkan pengurangan waktu dipatuhi. Juga operasi tempat bekerja tidak terjejas.

Bagaimanapun Kementerian Sumber Manusia telah memberi peringatan tegas

kepada majikan bahawa apa juga kaedah dipilih, majikan atau industri sama sekali tidak dibenar mengurangkan gaji pekerja. Kurang waktu bukan bermakna kurang gaji.

Pada masa sama, kawan-kawan Kedai Kopi berharap para pekerja menghargai kelonggaran yang diberi. Gunakan waktu 'bonus' untuk rehatkan minda. Namun pastikan prestasi tetap dipertahankan, malah lebih cemerlang.

### Peniaga bolot parkir

**KAWAN-KAWAN** Kedai Kopi perhatikan banyak kawasan parkir, terutama yang berhampiran dengan kedai makan atau restoran, menjadi mangsa pemilik kedai makan berkenaan yang sesuka hati meletakkan kerusi meja di atas petak parkir.

Ini berlaku khususnya pada sebelah pagi dan waktu petang hingga ke malam. Pada sebelah pagi kerusi meja diletak awal pagi sehingga menjelang hampir tengah hari. Akibatnya mereka yang datang ke kawasan berkenaan untuk pelbagai urusan menghadapi masalah meletakkan kenderaan.

Di sebelah petang, awal petang kawasan parkir sudah diletak kerusi meja. Pemilik restoran pula yang sewenang-wenang membolot kawasan parkir, seolah-olah petak parkir itu milik mereka. Ini berlanjut sehingga ke tengah malam.

Bukan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tidak pernah bertindak

terhadap pemilik kedai makan atau restoran ini. Kawan-kawan Kedai Kopi sendiri ada menyaksikan. Tetapi masalah 'mengambil alih' kawasan parkir ini terus berlaku di seluruh Kuala Lumpur.

Pemilik restoran bagi tidak serik dan tidak peduli dengan saman dikenakan, atau barang mereka disita. Pada sebelah pagi dikenakan denda dan kerusi meja diangkat ke dalam lori, sebelah petang mereka kembali memenuhi ruang parkir.

Kerana itu DBKL perlu memantau dan bertindak berterusan terhadap mereka yang degil. Namun kawan-kawan Kedai Kopi faham kekangan dihadapi oleh DBKL. Kawasan ibu kota adalah besar dan anggota penguasa kawasan juga terhad untuk meliputi semua kawasan.

Oleh itu tindakan drastik wajah diambil terhadap mereka yang tetap degil. Jika denda dan sita masih tidak mampu mengajar mereka yang melakukan kesalahan berulang, batalkan lesen perniagaan agar tidak dapat beroperasi lagi.

Langkah ini bukan untuk menganiaya pemilik kedai makanan, tetapi untuk menghentikan sikap tidak bertanggungjawab mereka kerana menyusahkan orang lain. Diharap ia menjadi pengajaran agar mereka menghentikan sikap buruk itu.

Parkir ialah kemudahan awam yang sepertutnya digunakan oleh orang ramai. Jangan ada pihak tertentu mengambil kesempatan menggunakan kemudahan ini untuk kepentingan diri sendiri.



## JUALAN MURAH Keluarga Malaysia

# 20-21 Ogos 2022



### KUALA LUMPUR

- 33 PPR / PA DBKL terpilih
- Mutiara Magna, Kepong
- Taman Metropolitan, Kepong
- Taman Tasik Titiwangsa, KL (20 Ogos sahaja)


### PUTRAJAYA

- Pasaraya Darussalam Presint 9
- Kedai Runcit D'Mart, Presint 8
- Coop-Mart Putrajaya, Presint 16
- CoopMart, Presint 16



### LABUAN

- Bataras Hypermarket Labuan
- Savemore Supermarket PLT
- Family Shopping Mart



# Menjadi 'ikan hidup' di kota



KU SEMAN KU HUSSAIN  
Wartawan Bebas

**S**AYA dilahir dan dibesarkan hingga melepassi usia remaja dalam persekitaran kampung yang masih tebal dengan nilai-nilai tradisi. Persekitaran sosiobudaya sedemikian telah membentuk jalur peribadi hingga merantau ke Kuala Lumpur sejak hampir empat dekad lalu.

Pada awalnya berlaku juga kejutan budaya apabila melihat ragam manusia yang sangat kontradik dengan nilai kehidupan yang ada di kampung. Mungkin seperti rusa yang tersesat dan masuk ke kampung. Keterasingan begitu menjadi-jadi dan saya berusaha menyerap dalam keadaan di sekelling.

Saya bagaikan terlontar pada suatu daerah yang sangat asing dan baharu. Suatu yang bertentangan sama sekali dengan persekitaran sosial di kampung. Bukan sahaja deru manusia dan kereta yang tidak pernah lena, malah sikap-sikap sebahagiannya dirasakan amat asing.

Walaupun begitu selepas hampir empat dekad, ternyata lorong hidup terletak pada tangan kita sendiri. Kita yang menentukan arah haluannya. Kuala Lumpur memberikan banyak pilihan, walapun begitu yang tidak kukuh menjadi diri sendiri mudah sahaja dibawa arus persekitaran.

Maka kita perlu menguasai persekitaran untuk mengelak terjebak dalam pergulatan sosiobudaya kota yang penuh eksplorasi dan manipulasi. Malah harus percaya bahawa bukan semua yang moden itu tanda kemajuan. Banyak juga kemodenan itu membawa pada keklotan berfikir.

Masa yang sama tidak semua nilai kampung yang membumi dalam diri itu satu yang mundur dan kolot. Terbukti banyak nilai kampung jauh lebih moden berbanding di bandar. Stigma bahawa kampung penuh dengan keklotan dan kemunduran hanya pandangan cetek elitis yang menjadi 'ikan mati' di Kuala Lumpur.

Ketika mula-mula merantau dulu, saya sama seperti banyak perantau lain yang mahu menyerap sebanyak mungkin nilai-nilai kota supaya tidak janggal di mata orang. Seboleh-



DENGAN meminjam sifat ikan hidup, kita tidak akan tewas dalam arus persekitaran yang tidak sesuai dengan pemikiran, jiwa dan akal peribadi.

bolehnya mahu memadamkan terus nilai-nilai kampung yang begitu kukuh membina peribadi.

Kononnya menjadi orang kota mesti kelihatan moden dan terkini dalam memilih gaya hidup. Kalau tidak berbuat demikian orang di sekelling akan menganggap kita ketinggalan zaman dan kekampungan. 'Kekampungan' menjadi satu istilah yang mahu dipadamkan.

Semasa di kampung di Perlis dulu, saya boleh kenal dengan mudah pekerja-pekerja sawah yang datang dari Wilayah Selatan Thailand seperti Pattani dan Sadao.

Ini terpancar pada gaya dan pertuturan yang berbeza dengan orang Perlis. Walaupun ada yang bergaya, tetapi masih kenal bahawa mereka itu datang dari Selatan Thailand.

Lalu ketika berada di Kuala Lumpur yang metropolitan, gegak-gempita dengan kemajuan dan kemodenan, saya tidak mahu kelihatan seperti pekerja sawah dari Selatan Thailand.

Maka berusahalah untuk tidak menjadi diri sendiri dan meninggalkan nilai-nilai kampung yang menjadi tungggak peribadi.

Tentu sahaja di luar pengetahuan saya, orang melihat saya dengan penuh kejanggalan. Pembawaan imej kampung tidak boleh dikikis dalam sekelip mata. Malah kejutan budaya di Kuala Lumpur juga secara tanpa sedar menjadikan saya orang yang asing.

**“Kononnya menjadi orang kota mesti kelihatan moden dan terkini dalam memilih gaya hidup. Kalau tidak berbuat demikian orang di sekelling akan menganggap kita ketinggalan zaman dan kekampungan. ‘Kekampungan’ menjadi satu istilah yang mahu dipadamkan.”**

Nilai-nilai yang membuni waktu di kampung jauh lebih berupaya membentuk manusia berkualiti. Kemajuan dan kemodenan yang sebenar tidak ada kaitan dengan nilai kampung atau bandar.

Ada juga orang Kuala Lumpur yang kolot walaupun bersungguh-sungguh menjadikan diri sebatи dengan nilai-nilai yang urban.

Ada yang mahu kelihatan dan menjadi mat saleh yang difahami sebagai lambang kemajuan dan kemodenan. Itu satu contoh keklotan yang berlaku, tetapi tidak banyak yang menyedari.

Sebenarnya Kuala Lumpur menyediakan banyak lorong rezeki kepada perantau yang datang dari segenap penjuru tanah air. Hal yang demikian menjadi tarikan kepada perantau untuk membina kerjaya dan mengubah kehidupan. Misalnya menjual air di tepi jalan pun memberikan pulangan yang lumayan.

Pada masa yang sama perubahan pesat yang berlaku di Kuala Lumpur menjadikan urbanisasi sebagai satu nilai hidup yang baharu. Nilai tradisi yang mendokong kampung-kampung Melayu di sekeliling Kuala Lumpur ikut mencair dan larut dalam urbanisasi yang berkembang pantas.

Maka jadilah Kuala Lumpur sebagai medan perlumba antara hidup dan mati. Antara suka dan duka. Tidak ketinggalan miskin dan kaya.

Masing-masing menjadi enau dalam belukar yang melepaskan pucuk masing-masing. Lalu perlumba ini menuntut ketahanan supaya yang jatuh boleh bangun dan meneruskan perjalanan.

Satu pepatah Cina ada

menyebut, jadilah ikan hidup yang sentiasa menongkah arus. Menongkah arus ini satu kerja yang susah dan penuh cabaran. Tetapi ikan yang melawan arus mendapat kawasan yang lebih baik untuk bertelur.

Ikan hidup berlawanan dengan ikan mati. Kalau ikan hidup menongkah arus, ikan mati hanya dibawa arus hingga ke lautan.

Maka pilihlah sama ada mahu menjadi ikan hidup atau ikan mati. Di Kuala Lumpur banyak juga ikan mati yang akhir hanyut 'ke laut.' Hilang tanpa bekas dan jejak.

Dengan meminjam sifat ikan hidup, kita tidak akan tewas dalam arus persekitaran yang tidak sesuai dengan pemikiran, jiwa dan akal peribadi. Akan juga orang Kuala Lumpur yang kolot walaupun bersungguh-sungguh menjadikan diri sebatи dengan nilai-nilai yang urban.

Ada yang mahu kelihatan dan menjadi mat saleh yang difahami sebagai lambang kemajuan dan kemodenan. Itu satu contoh keklotan yang berlaku, tetapi tidak banyak yang menyedari.

Sebenarnya Kuala Lumpur menyediakan banyak lorong rezeki kepada perantau yang datang dari segenap penjuru tanah air. Hal yang demikian menjadi tarikan kepada perantau untuk membina kerjaya dan mengubah kehidupan. Misalnya menjual air di tepi jalan pun memberikan pulangan yang lumayan.

Ketika jarum detik mengilas setiap waktu siang kini tiba lampu dipadamkan

## SAJAK RUANG

Mungkin penghulu cicak mengira ahlinya yang putus ekornya kerana bertelagah mungkin tukis senyum dalam mimpi menampar kucing hitam sebelah rumah mungkin ratu semut mengusung askarnya yang mati kerana setiakawan mungkin cerek air mengira berapa kali pagi mengajak ia gila menjerit

Kita terus menghisab kehidupan bagi lampu lebuh raya di lebuh raya terbuka dan terpadam lalu memanjangkan takdir untuk keesokan.

Guru Kidal  
Bukit Idaman Darul Makmur

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



SERTAI SALURAN TELEGRAM  
**Wilayah Ku**  
UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



# Semarakkan kembali Mara Digital Mall

**S**UNYI sepi, suram tanpa pelanggan walaupun dikelilingi keriuhan ibu kota. Inilah nasib yang menghantui Mara Digital Mall di Bangunan Mara, Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR), Kuala Lumpur yang jarang dijengah pengunjung.

Setelah tujuh tahun beroperasi, pusat jualan peralatan telekomunikasi dan teknologi maklumat (IT) ini sepatutnya telah berkembang maju dan menjadi tumpuan ramai. Namun keadaan yang berlaku adalah sebaliknya.

Ketika mula dibuka pada 2015, pusat tersebut mendapat sambutan menggalakkan. Kehadiran ramai menjadinya perangsang serta mencerahkan harapan Mara Digital Mall bakal menjadi hub telekomunikasi dan teknologi maklumat popular untuk peniaga bumiputera, sama seperti di Plaza Low Yat, Bukit Bintang.

Ini selari dengan matlamatnya, menggalakkan serta membantu bumiputera maju dalam bisnes telekomunikasi dan IT, satu bidang yang belum banyak diceburi oleh bumiputera.

Namun memetik laporan media, keadaan Mara Digital Mall kini kurang menggalakkan. Peniaga mengeluh kerana perniagaan harian begitu lembab.

Dilaporkan, ada peniaga yang sebelum ini mendapat ramai pelanggan dalam sehari, kini berasib baik jika memperoleh seorang pelanggan. Dengan keadaan ini tentu sahaja perniagaan berdepan kerugian. Jika untung pun sangat sedikit.

Mara Digital Mall adalah cetusan idea Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, yang ketika itu Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah. Matlamatnya memang baik, menyediakan peniaga Melayu dengan ruang niaga telekomunikasi dan IT yang moden dan selesa. Sasaran perkhidmatan pula untuk semua kaum, terutama bumiputera.

Bagi Adi, kedudukan pusat tersebut memang strategik iaitu dalam Bangunan Mara di Jalan TAR, lokasi yang sentiasa menjadi tumpuan ramai untuk membeli-belah atau menjamu selera. Suasana persekitaran begitu kondusif. Ada pusat beli-belah Sogo, Kompleks Pertama dan Kompleks Campbell. Namun sukar difahami kenapa pelanggan tidak berminat datang ke Mara Digital Mall.

Ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik COVID-19, dilaporkan perniagaan di Mara Digital Mall sangat merosot. Pasca PKP, terdapat peniaga yang perniagaannya merosot sehingga 60 peratus,



MARA Digital Mall adalah cetusan idea Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang ketika itu Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah.

hanya memperoleh purata seorang pelanggan setiap hari berbanding 10 sebelumnya.

Mujur sewa yang dikenakan tidak terlalu tinggi seperti di tempat lain, antara RM2,000 hingga RM3,000 sebulan berbanding berbelas ribu misalnya di Plaza Low Yat. Kerana itu peniaga masih mampu bertahan. Walaupun pelanggan kurang, masih boleh dapat untung walau tidak banyak. Namun situasi ini tidak harus dibiar berlarutan tanpa langkah konkret untuk mengatasinya.

Untuk rekod, sebelum ini Mara Digital Mall ini bukan sahaja dibuka di Kuala Lumpur tetapi juga di Kuantan, Johor Bahru dan Shah Alam. Pembukaan cawangan-cawangan ini menjadi pemangkin serta membakar semangat peniaga bumiputera mencebur perniagaan telekomunikasi dan IT.

Namun sangat mendukacitakan cawangan-cawangan tersebut tidak bertahan lama. Satu demi satu ditutup. Cawangan Kuantan

menutup operasi pada Disember 2018, diikuti cawangan Shah Alam pada tahun sama. Cawangan Johor Bahru pula menamatkan operasi pada Februari 2019.

Yang tinggal hanya kini di Bangunan Mara Kuala Lumpur, itu pun sunyi daripada pelanggan. Ketara sekali sambutan sangat menyedihkan sehingga beberapa cawangan terpaksa ditutup. Jika perniagaan terus merosot, dibimbangi cawangan Kuala Lumpur menurut jejak cawangan lain.

Apa punca sebenar sambutan begitu dingin? Mengambil contoh Mara Digital Mall di Kuala Lumpur, lokasinya sudah sangat sesuai, di kawasan tumpuan ramai. Tetapi mungkin mereka tidak sedar kewujudan pusat IT tersebut?

Bagi Adi memang ada kemungkinan orang ramai tidak tahu tempat tersebut jika tidak ada promosi bersungguh-sungguh dilakukan oleh pihak pengurusan. Mungkin hanya yang berkerja dalam bangunan Mara tahu kewujudannya.

## SKETSA



**“Adi sedar para peniaga kini mengharapkan bantuan dan campur tangan Ismail Sabri, selaku pencetus Mara Digital Mall. Mereka mengharapkan sentuhan beliau untuk memastikan perniagaan di lokasi tersebut kembali meriah seperti awal waktu pembukaan.”**

Yang ramai-ramai mengunjungi Jalan TAR tidak menyadarinya, sebaliknya hanya bertumpu ke pusat beli-belah di sekitar.

Inilah juga antara alasan diberi oleh peniaga, iaitu promosi sangat kurang. Mereka mencadangkan papan iklan, lebih baik papan LED, dipasang di luar bangunan Mara bagi menangkap perhatian orang ramai yang lalu lalang.

Adi kira pandangan peniaga ini wajar diberi perhatian kerana aspek promosi adalah kunci utama dalam perniagaan. Orang ramai perlu tahu lokasi perniagaan dan perkhidmatan yang ditawarkan.

Namun pada masa sama, Adi berpendapat, para peniaga secara individu mesti juga berusaha mempromosi jualan dan perkhidmatan mereka secara agresif. Ini boleh dilakukan melalui media sosial memandangkan cara ini boleh diakses oleh orang ramai dengan mudah.

Banyak perniagaan menggunakan platform ini mempromosi jualan dan perkhidmatan mereka. Hasilnya perniagaan meningkat dan keuntungan yang diperoleh memberangsangkan.

Lokasi sahaja belum menjamin perniagaan meletup. Kerana itu peniaga juga mesti bersikap proaktif. Namun ini tidak bermakna pihak pengurusan harus lepas tangan menyediakan promosi terbaik untuk peniaga.

Selain itu peniaga di Mara Digital Mall juga mesti sentiasa berusaha menambah stok barang, sama ada barang baharu atau terpakai. Ini boleh menjadi daya tarik menarik kepada orang ramai untuk datang mendapatkan barang baharu atau terpakai menurut kemampuan.

Namun Adi sedar bahawa kedai telekomunikasi dan IT di Plaza Low Yat sudah lama wujud dan sudah established di kalangan pengguna. Kerana itu untuk menandinginya akan mengambil masa. Namun tidak bermakna ia tidak boleh dilakukan.

Selagi ada usaha bersungguh-sungguh daripada pengurusan Mara Digital Mall dan peniaga untuk melihat pusat tersebut maju, matlamat menyamai, jika tidak pun mengatasi Plaza Low Yat memang boleh dicapai. Adi juga berharap orang ramai akan terus membantu bumiputera

cemerlang dalam bisnes telekomunikasi dan IT.

Adi sedar para peniaga kini mengharapkan bantuan dan campur tangan Ismail Sabri, selaku pencetus Mara Digital Mall. Mereka mengharapkan sentuhan beliau untuk memastikan perniagaan di lokasi tersebut kembali meriah seperti awal waktu pembukaan.

Perdana Menteri nyata tidak menghamparkan harapan peniaga. Beliau telah pun melakukan tinjauan mengejut ke Mara Digital Mall Isnin lalu untuk bertemu dengan peniaga dan mendengar masalah mereka.

Peniaga memaklumkan kepada Perdana Menteri mereka masih mempu meneruskan perniagaan tetapi mengharapkan sokongan daripada Majlis Amanah Rakyat (Mara) dalam bentuk promosi, bantuan pinjaman serta pengurangan kadar sewa.

Justeru Ismail Sabri mengarahkan Mara mempertahankan Mara Digital Mall itu bagi memberi peluang bumiputera membabitkan diri sebagai usahawan teknologi maklumat. Baginya pusat tersebut sangat dekat di hatinya.

Lawatan dan arahan Ismail Sabri kepada Mara merupakan sinar harapan kepada para peniaga di pusat telekomunikasi dan IT itu untuk terus maju. Diharap bukan sahaja pusat itu terus beroperasi dan berkembang, malah cawangan yang telah ditutup dapat dibuka semula serta cawangan baharu dibuka.

**Adi—Masih belajar ilmu IT**

*Adi Taib*

## SAJAK

### PESAN IBU

Sebelum aku berangkat kembara mencari pahala ibu menitip pesan – hidup ini adalah jalan kampung berlopak di sana-sini andai tersadung dan tersungkur segeralah bangkit tuju masa depan luka berbekas adalah cermin diri usah hilang makna diri usah berdiri di atas kaki orang lain jadilah diri sendiri.

Pesan ibu adalah kompas mencerap keyakinan untuk tidak tersesat hidup di kota bernoda.

Pesan ibu subur dalam pasu kenangan.

**Mohd Salleh Osman**  
Presint 16, Putrajaya.

Dua anak bertarung penyakit jantung berlubang

# YWP bantu bapa enam anak

HAZIRAH HALIM

**I**BARAT sudah jatuh ditimpa tangga. Itu yang dialami oleh bapa kepada enam orang cahaya mata, Nazrul Ismail yang tidak henti-henti diuji dengan kesempitan kewangan dalam membesarkan anak-anak.

Paling menyedihkan dua orang daripada anaknya yang berumur lima tahun dan tiga bulan menghidap penyakit jantung berlubang dan memerlukan bantuan. Selain itu, anak sulung dan yang kedua masing-masing berumur 17 dan 16 tahun pula terpaksa berhenti sekolah kerana dia tidak mampu menanggung belanja persekolahan.

Hanya anak ketiga yang merupakan Orang Kurang Upaya (OKU) pembelajaran sahaja yang masih bersekolah di tingkatan dua di SMK Seri Permaisuri, Cheras sementara anak kelimanya baru berumur empat tahun.



ZAIZALNIZAM

Dia yang hanya bekerja menjual murtabak di hadapan rumah dengan pendapatan sebanyak RM2,000 sebulan tidak mampu menyara kehidupan mereka sekeluarga dan terbaharu diarahkan keluar dari rumah sewa kerana tuan rumah tersebut mahu menjual kediaman itu.

Prihatin dengan kesukaran hidup yang terpaksa ditanggung oleh Nazrul sekeluarga, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) tampil menghulurkan sumbangan Bantuan Khas Persekolahan buat anak-anaknya baru-baru ini.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif YWP, **Datuk Zaizalnizam Zainun**, pihaknya mendapat makluman dari pejabat wakil rakyat yang mengatakan pemohon memerlukan sedikit sumbangan untuk menanggung perbelanjaan dan kelengkapan keluarganya.

"Saya difahamkan keluarga ini



NAZRUL (kiri) menerima sumbangan daripada Pengurus Kanan Pendidikan, Ekonomi, Sosial, Agama dan Teknologi (P.E.S.A.T), YWP, Zahrulail Abdul Rahman (kanan). Turut serta Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Kamaruddin Jaafar (tengah).

sedang berdepan dengan pelbagai dugaan yang besar dalam hidup lebih-lebih lagi kedua-dua orang anaknya sedang bertarung dengan penyakit jantung berlubang.

"Untuk itu, YWP juga akan bekerjasama dengan Pejabat

Pendidikan Daerah Bangsar Pudu untuk menyekolahkan kembali dua orang anaknya yang telah berhenti sekolah," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Tambah Zaizalnizam, beliau turut bersyukur apabila

<b>Info</b>	<b>ADUAN</b>
<b>DBKL</b> Tel : 03-2617 9000	
<b>Perbadanan Putrajaya</b> Tel : 03-8000 8000 Aduan : 03-8887 3000	
<b>Perbadanan Labuan</b> Tel : 087-408600 Aduan : 087-408852	
<b>Wilayahku</b> WhatsApp : 011-5958 7489	

pihak Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) berbesar hati membantu membayar sewa rumah sebanyak RM800 sebulan.

"Saya tumpang simpati dengan nasib yang menimpa Nazrul dan berharap agar bantuan yang dihulurkan ini dapat mengurangkan kesedihan, kesusahan serta permasalahan yang dialami olehnya sekeluarga," ujar beliau. **WK**

## PREPKOM antara langkah cegah gejala sosial

DEEL ANJER

**YAYASAN** Wilayah Persekutuan (YWP) bukan sahaja menitikberatkan pembangunan fizikal semata-mata, malah turut memberi fokus dalam menangani gejala sosial dalam masyarakat.

Antaranya adalah dengan mewujudkan Pusat Pemerkaan Pendidikan & Komuniti (PREPKOM) YWP yang terletak di 10 lokasi di Projek Perumahan Rakyat (PPR) sekitar Kuala Lumpur.

Eksekutif Kanan PREPKOM, **Mohd Farhan Azhari** berkata kemudahan pusat ini wajar dimanfaatkan oleh masyarakat.

"Sebenarnya banyak manfaat PREPKOM ini kepada masyarakat setempat. Antaranya kami memberi peluang kepada mereka menggunakan pusat ini untuk pelbagai aktiviti.

"Misalnya mereka boleh



FARHAN (kiri) dalam satu mesyuarat khas PREPKOM yang dipengerusikan Ketua Pegawai Eksekutif YWP, Datuk Zaizalnizam Zainun (tengah).

menganjurkan kelas tuisyen, mengaji, mesyuarat serta pelbagai aktiviti berkumpulan lain di sini.

"Malah kami juga membenarkan badan bukan kerajaan (NGO) di luar sana untuk menganjurkan aktiviti-aktiviti yang bermanfaat untuk penduduk," katanya yang

merupakan antara kaktungan yang ditugaskan menyelia PREPKOM.

Berkongsi dengan *Wilayahku*, dia mengakui dalam apa jua tugas yang dilaksanakan, pasti berhadapan dengan kesulitan.

"Semasa dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

disebabkan pandemik COVID-19, masyarakat kerap menggunakan kemudahan-kemudahan yang ada di PREPKOM.

"Namun apabila keadaan kembali normal, tidak ramai yang memanfaatkan kemudahan yang disediakan oleh YWP ini.

"Jadi, agak rugi apabila kemudahan yang diberikan tidak digunakan sepenuhnya. Sedangkan banyak manfaat yang boleh dilakukan demi pembangunan sahsiah diri masyarakat.

"Ini kerana, PREPKOM sebenarnya berfungsi dalam membantu kerajaan mengurangkan gejala sosial dalam kalangan masyarakat terutamanya remaja.

"Misalnya sekarang banyak hobi atau kegiatan baharu yang menjadi kegiatan anak-anak remaja, kami tidak pernah menghalang malah mereka boleh bekerjasama dengan PREPKOM," ujarnya lagi. **WK**

### Yayasan Wilayah Persekutuan

**Lokasi:** Wisma YWP, No 134, Jalan Raja Abdullah, Kampong Baru, 50300 Kuala Lumpur

**Objektif:** Perkhidmatan dan gerak kerja tertumpu kepada lima kluster utama iaitu Pendidikan, Ekonomi, Sosial, Agama dan Teknologi (P.E.S.A.T)

**Hubungi:** 03-2698 3073 / 2073, Faks: 03-2698 3075

**WhatsApp:** 019-348 3073

**E-mel:** info@yayasanwp.org.my

**Laman sesawang:** www.yayasanwp.org.my

**Anak Syarikat:** Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan dan YWP Media Sdn Bhd (*Wilayahku*)

**Laman sosial YWP:** Facebook, Instagram, Twitter dan Tiktok: *yayasanwp*

## 30 pelajar Kunkwan International Mandarin Learning Centre dirai

**CEMERLANG.** Kunkwan International Mandarin Learning Centre meraikan kejayaan 30 pelajar yang berjaya menamatkan pelajarannya sehingga ke aras tertinggi pada Tahap Profesional dalam satu majlis graduasi.

Majlis disempurnakan oleh Pengasas syarikat Kunkwan International Mandarin Learning Centre, **Kent Ng Kun**. Beliau turut menekankan

kepentingan untuk belajar bahasa Mandarin dalam era kemodenan kerana umum mengetahui banyak cabaran serta persaingan perlu ditempuh individu dalam dunia serba teknologi ini.

"Bukan senang bagi individu untuk menyerlah dan bersinar apabila berhadapan dengan cabaran dan rintangan yang mengelilingi mereka," ujar beliau.

Sementara itu menurut salah seorang graduan, Farah Hidayu Abdul Rahman, 35, institusi tersebut banyak membantu serta mendorongnya untuk belajar bahasa Mandarin dengan jayanya.

Turut hadir pada majlis graduan tersebut, Dr Soo Wincci yang merupakan Top 10 Outstanding Young Malaysian Award for The Year of 2016. **WK**



PARA graduan bergambar sejurus majlis graduasi baru-baru ini.

REALITI KEHIDUPAN

# RUMAH KOTA

19 - 25 OGOS 2022 . Bil 178

Wilayah Ku

*Teater Elyas Emas:*

## Singkap kemilau jasa Tan Sri Elyas Omar

**T**RANSFORMASI Kuala Lumpur pada era moden bermula apabila ia mencapai status bandar raya pada 1 Februari 1972. Bermula dengan Datuk Bandar pertama, Datuk Lokman Yusof dan kedua, Tan Sri Yaacob Abdul Latiff, Kuala Lumpur berkembang dengan pesat disebabkan operasi pentadbiran kerajaan persekutuan terletak di ibu kota.

Tan Sri Elyas Omar yang merupakan Datuk Bandar ketiga dilantik pada 1 November 1981 hingga 17 September 1992 merupakan pemegang rekod paling lama berkhidmat sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur ini berperanan sebagai arkitek dan perancang bandar. Ia sekali gus merintis pemodenan bandar raya ini sehingga ia meniti di bibir pemimpin dunia dan masyarakat antarabangsa.

Meskipun Elyas telah pun bersara dari jawatan tersebut pada 1992, sumbangannya terhadap bandar raya ini tidak boleh dinafikan. Dari aspek perumahan awam, pengindahan bandar sehingga sistem pengangkutan awam, semuanya berada di dalam 'radar' beliau. Semuanya dirancang dan dilaksanakan dengan teliti bagi kemudahan kepada warga kota pada hari ini.

SAMBUNGAN DI MUKA 10





## Kenang kegigihan 'arkitek' Kuala Lumpur moden



FOTO: DBKL

AZLAN ZAMBRY

### DARI MUKA 9

MENGENANG kegigihan figura ini dalam merancang pembangunan ibu kota seperti yang dinikmati hari ini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah menerbitkan sebuah pementasan teater berjudul Elyas Emas atau *The Golden Elyas*. Ia berkisarkan kepada detik-detik penting yang tercatat dalam sejarah Kuala Lumpur ketika Elyas menjadi Datuk Bandar sempena Sambutan Jubli Emas Bandar Raya Kuala Lumpur di Panggung Bandaraya Kuala Lumpur pada 22 hingga 24 Julai yang lalu.

Teater yang dibahagikan kepada tiga babak itu menampilkan beberapa pekerja yang sedang

giat melakukan persiapan pada hari Sambutan Jubli Emas Kuala Lumpur. Selain itu terdapat babak mengenangkan seorang wartawan veteran bernama Razlan yang mengkritik wartawan muda, Alisa kerana memilih tugas sehingga mengabaikan sejarah penting pembangunan Kuala Lumpur dan tokoh yang merancang mengenainya.

Dalam babak ini juga, Razlan menerangkan mengenai sejarah Datuk Bandar ketiga yang dianggapnya antara Datuk Bandar terbaik yang pernah memimpin Kuala Lumpur sehingga ia menjadi antara bandar raya terkenal di dunia.

Antara perkara yang disentuh Razlan adalah mengenai beberapa peristiwa bersejarah seperti pengajuran konsert Penghibur Nombor Satu Asia secara terbuka, Datuk Sudirman Arshad

mengadakan Konsert Chow Kit Road pada 14 April 1986.


Dalam babak ini, penonton akan melihat rakaman video ketika konsert itu berlangsung yang menyaksikan kehadiran 100,000 penonton yang terdiri dari pelbagai kaum dan lapisan masyarakat dan 'Sudirman' muncul menyanyikan lagu Chow Kit Road bagi mengimbau kenangan lalu.

Selanjutnya, turut dipaparkan tayangan video pendek mengenai pasukan badminton negara telah berjaya memenangi Piala Thomas pada 1992 apabila mengalahkan musuh tradisi, Indonesia. Kelihatan Elyas yang juga Presiden Persatuan Badminton Malaysia (BAM) mengiringi wira-wira negara ke pentas untuk menerima medal dan piala berkenaan. Serentak itu, pelakon-pelakon memakai pakaian sukan serba putih muncul dengan

tarian serta irungan lagu sedang menghadapi perlawanan badminton sehingga berjaya merangkul Piala Thomas.

Tidak sekadar babak kejayaan yang dikecapi Elyas sahaja, watak seorang wartawan veteran bernama Johari muncul menyegarkan kembali ingatan Razlan mengenai bagaimana beliau telah dikhianati apabila hasil kerjanya jatuh ke tangan Johari yang iri hati terhadap Razlan.

Dalam pada itu, terdapat klip video ringkas wawancara Elyas bersama media mengenai program mengindahkan taman awam dengan mewujudkan Taman Orkid, Taman Burung, Taman Rama-Rama dan Dataran Merdeka sebagai mercu tanda Kuala Lumpur di era tersebut. Beliau turut menyentuh mengenai projek pembinaan laluan Sistem Transit Aliran Ringan (LRT) dan Monorel yang dibina bertingkat



sebagai usaha untuk mengurangkan kesesakan trafik di dalam bandar.

Watak Elyas yang dilakonkan Radhi Khalid muncul untuk menerima anugerah Tokoh Wilayah Persekutuan 2007 oleh Kementerian Wilayah Persekutuan.

Radhi yang sememangnya berbakat dalam bidang lakonan ini berjaya menjawai watak Tan Sri Elyas dengan baik. Dengan penampilan yang bertongkat serta laras bahasa yang digunakan, beliau berjaya membawakan watak itu dengan baik.

Di akhir pementasan, 'Elyas' muncul dengan kata-kata nasihat yang memberikan banyak pesanan khususnya untuk generasi muda.

Elyas, yang meninggal dunia pada usia 82 tahun pada 15 Mei 2018 dikenali atas usaha-usahanya yang cemerlang dalam pembangunan infrastruktur sejarah dengan pelbagai sumbangan sosial dan ekonomi kepada warga kota.

Pementasan Teater Elyas Emas turut dihadiri ahli isteri Allahyarham, Puan Sri Dayang Normala Awang Tambi dan Datuk Bandar Kuala Lumpur ke-II, Tan Sri Mohd Amin Nordin Abdul Aziz serta beberapa bekas pegawai kanan DBKL yang telah bersara. **W.K**



ANTARA penonton yang hadir menyaksikan persembahan di Panggung Bandaraya Kuala Lumpur.



# Royal FLORIA PUTRAJAYA

2022

## ‘FLORIA HEBAT’

FESTIVAL  
**BUNGA & TAMAN DIRAJA**  
PUTRAJAYA

Tarikh

**29 OGOS 2022** - **4 SEPTEMBER 2022**

Masa

**9.00 AM** - **10.00 PM**

Tempat

**ANJUNG FLORIA, PRESINT 4, PUTRAJAYA**

03 8887 7136

putrajaya  
 putrajayacorp

perbadananputrajaya  
 Anjung Floria Putrajaya







DEEL ANJER

**P**ENYANYI popular Baby Shima dikecam netizen gara-gara video TikTok yang dihasilkan bersama usahawan kosmetik, Datuk Seri Aliff Syukri dan Kak Long 7E.

Video TikTok yang tular itu memperlihatkan Baby Shima yang memakai baju sekolah duduk di atas



# "Itu lakonan semula Musang Berjanggut" – Baby Shima

belakang Kak Long 7E yang merangkak seperti haiwan, berserta Aliff seolah-olah berada dalam sebuah kelas.

"Itu adalah lakonan semula satu babak dalam filem Musang Berjanggut. Sebelum melakonan adegan itu, kami semua sudah berbincang dan bersetuju untuk jadikannya sebagai content TikTok.

"Sebenarnya, saya dan Aliff berpakaian sekolah itu bagi menyiapkan rakaman muzik video untuk single duet terbaru kami, Baby Sayang yang akan dilancarkan pada 17 Ogos baru-baru ini.

"Selepas rakaman muzik video selesai, kami buat pula content TikTok dengan melakonkan semula satu babak



filem Musang Berjanggut. Malah, penampilan Kak Long 7E dalam video itu pun bukan sebagai guru," katanya.

Dalam masa yang sama, Shima juga mengaku tidak mahu melayan kecaman netizen yang tidak berasas dan hanya mahu menjatuhkan dirinya.

"Saya ni penyanyi dangdut. Bergelek adalah normal dan tidaklah melampau seperti dakwaan sesetengah pihak.

"Selalunya peminat enjoy persembahan saya dan mereka menghormati saya sebagai penyanyi. Begitu juga saya turut menghormati mereka.

"Saya juga terkilan, kalau nak kecam pun, biarlah tahu hal sebenar dan siasat dulu apa yang berlaku. Jangan main tuduh tanpa mengetahui hal sebenar," ujarnya lagi. **W K**



AKSI yang mendapat kecaman netizen.

## Gelek beri saya makan - Ifa Raziah

**KEOH** dalam kalangan netizen apabila penyanyi dangdut **Ifa Raziah** bergelek sakan dalam satu persembahan majlis akikah baru-baru ini.

Menjawab kecaman tersebut, Ifa atau nama sebenarnya Saripah Raziah Mustapha berharap netizen faham situasinya sebagai penyanyi dangdut.

"Saya penyanyi dangdut. Sebagai penyanyi genre tersebut, apa yang saya kena buat ialah menyanyi, menghiburkan dan bergelek. Selama ini gelek yang beri saya makan."

"Akikah pada awal majlis, ketika awal Maghrib hingga Isyak. Selesai akikah acara ulang tahun perkahwinan pula. Saya bergelek selepas persembahan penyanyi Liza Hanim."

"Lagi pun saya penyanyi dangdut. Nak nyanyi dangdut kena berdiri tegak ke?"

"Selama 27 tahun menjadi penyanyi, gelek saya itu yang beri saya makan. Kalau

saya tak bergelek siapa nak panggil saya buat persembahan," ujarnya yang ditemui pada majlis sidang media program baharu TV3, Terpaling Juara di Petaling Jaya Performing Arts Centre, One Utama, baru-baru ini.

Tambah Ifa lagi, ketika dia membuat persembahan, ahli agama (ustaz) sudah pun pulang dan isu konon-kononnya dia merosakkan majlis akikah yang diberkati itu tidak sepatutnya ditimbulkan.

"Ustaz-ustaz semua dah balik. Tuan rumah sendiri tukar baju sampai dua kali. Ketika akikah pakai baju putih. Majlis ulang tahun perkahwinan baju merah jambu. Lain lah kalau saya ustazah kemudian saya bergelek. Boleh lah netizen kecam saya," jelasnya.

Bagi Ifa, dia hanya menjalankan tugas sebagai penyanyi setelah dibayar. Jadi tidak timbul soal dia berkelakuan tidak senonoh.

"Apa masalahnya sekarang? Orang bayar saya berpuluhan-puluhan ribu untuk menyanyi. Ini cara saya cari makan. Bukannya saya berkelakuan tidak senonoh dan keterlaluan."

"Dalam Instagram saya ada video penuh. Anda nilai lah sendiri. Netizen tidak tahu apa-apa kemudian timbul salah faham," jelas Ifa.

Terdahulu, pelantun lagu Ser Ser Ser itu dikecam hebat netizen selepas dilihat bergembira dan bergelek sakan ketika membuat persembahan dalam sebuah majlis akikah.



## Scammer guna gambar, video Siti Nurhaliza

**BINTANG** nombor satu negara, **Datuk Seri Siti Nurhaliza** sering menjadi mangsa pihak yang tidak bertanggungjawab atau *scammer* yang menggunakan gambar serta videonya untuk melakukan penipuan.

Terbaru, penyanyi lagu Kuasa Cintamu dan Siapa Tak Mahu itu turut menasihatkan pengguna media sosial agar tidak terpedaya dengan helah *scammer* yang kohnnya menawarkan hadiah wang tunai.

"Masih ada insan yang menggunakan wajah dan video saya yang diulang pakai untuk menipu orang ramai di laman Facebook. Ada dua produk yang dikesan menggunakan gambar saya bersama suami.

"Produk itu tentang rambut lebat dan sebagainya. Jangan percaya, itu semua penipuan. Saya dan suami tak pernah gunakan produk itu, tak pernah pun jadi duta mereka. Apa yang berkaitan dengan produk itu tidak benar, tiada kaitan dengan saya atau suami," katanya.

Bukan itu sahaja, Siti juga hairan kerana pihak terbabit begitu berani melakukan perkara tersebut, termasuk



mengguna pakai videonya untuk aktiviti meneka nombor.

"Itu pun bukan saya dan tiada kaitan dengan saya. Mereka gunakan video saya dalam live sebelum ini, seingat saya sewaktu pandemik yang awal-awal dahulu sebab ketika itu saya banyak buat video.

"Mereka ambil balik video itu dan ulang-ulang untuk menipu semua orang di Facebook serta menjanjikan duit. Ini *scammer*, anda janganlah terpedaya.

"Saya faham, sesetengah orang mengharapkan duit yang ditawarkan itu untuk menampung keluarga dan sebagainya."

"Saya minta maaf sangat, tolong jadi bijak dan jangan mudah terpedaya. Mereka gunakan gambar dan video saya untuk keliruan dan menipu orang," ujarnya.

Dalam masa yang sama, Siti berharap penjelasan yang diberikannya mampu mengelakkan orang ramai daripada terpedaya dengan penipuan *scammer*.

"Tidak semudah itu mereka mahu memberikan wang tunai. Jika mereka jujur, mengapa menggunakan video saya? Bukankah dari sini kita sudah tahu muslihat mereka untuk memperdaya orang ramai," katanya.



# Duta negara ASEAN teroka Pahang, bantu industri pelancongan negara



DEEL ANJER

**KUANTAN**, Pahang punya keunikan dan tarikan tersendiri yang boleh diteroka.

Selain lokasinya menarik, Kuantan juga dikenali dengan kepelbagaiannya produk makanan, budaya dan kraf tangan yang unik.

Disebabkan keistimewaan itu, Kuantan dipilih sebagai lokasi Program Explore Pahang With ASEAN Ambassadors & High Commissioners pada 14 hingga 16 Ogos lalu.

Program anjuran Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) itu memberi peluang kepada duta-duta negara ASEAN yang terlibat iaitu Singapura, Thailand, Filipina, Cambodia, Indonesia, Vietnam, Laos, Brunei dan Myanmar untuk merasai pengalaman selama tiga hari berada di Kuantan.

Ketua Pengarah Malaysia Tourism Promotion Board, **Datuk Zainuddin Abdul Wahab** berkata antara tujuan program ini adalah untuk memperkenalkan lagi Kuantan sebagai destinasi menarik yang mesti dikunjungi.

"Ini adalah kali pertama kita bawa duta-duta ASEAN. Sebelum ini kita pernah bawa media dari negara luar."

"Tujuan kita mengadakan program ini adalah untuk memperkenalkan destinasi-destinasi menarik di Malaysia kepada ketua perwakilan dan duta-duta besar dari negara ASEAN."

"Ada antara mereka belum pernah lagi sampai ke Kuantan yang merupakan antara lokasi menarik tempatan."

"Jadi program tiga hari



ZAINUDDIN

dua malam ini adalah untuk memperkenalkan tarikan yang ada di Kuantan agar mereka boleh menceritakan pengalaman apabila balik ke negara masing-masing," kata beliau.

Zainuddin juga menyatakan bahawa, walaupun Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain adalah serumpun, namun banyak perbezaan budaya menjadikannya lebih menarik.

"Walaupun Malaysia adalah serumpun dengan negara-negara ASEAN yang lain, tapi budaya yang kita amalkan adalah berbeza.

"Misalnya dari segi masakan dan gaya hidup itu sendiri. Selain Malaysia mempunyai pelbagai budaya yang dipengaruhi oleh kesan-kesan sejarah. Jadi semua ini menarik untuk dikongsi bersama mereka," ujar beliau.

Menurut Zainuddin lagi, program ini bukan sahaja bermotifkan pelancongan semata-mata, malah ia adalah lambang keharmonian antara negara-negara ASEAN.

"Dalam masa yang sama, kita dapat lihat bahawa program ini juga sebagai bukti hubungan baik yang terjalin antara kita dan duta-duta besar."

duta ASEAN yang terlibat.

"Hubungan baik dengan mereka ini mampu manarik lebih ramai rakyat dari negara-negara ASEAN untuk datang ke Malaysia."

Selepas ini, kita akan menilai program yang dianjurkan ini dan Insya-Allah boleh ke destinasi lain pula untuk program akan datang.

"Mungkin boleh bawa ke destinasi lain yang kurang pendedahannya kepada pelancong luar negara. Seperti mana yang kita sedia maklum, pelancong-pelancong dari luar negara kebanyakannya tertumpu di pantai barat dan kurang melancong di pantai timur. Jadi kita boleh bawa mereka ke Terengganu dan Kelantan pula," kata beliau.

Selain berhasrat mahu merancakkan lagi industri pelancongan tempatan, Zainuddin melihat program ini adalah salah satu usaha untuk membantu kerajaan memulihkan ekonomi negara.

"Alhamdulillah. Sejak sempadan dibuka, kita dapat melihat mulanya kemasukan pelancong-pelancong asing secara berperingkat."

"Kita yakin dengan kerjasama daripada semua pihak akan dapat membantu memulihkan ekonomi negara menerusi industri pelancongan," ujar beliau. **WK**



HERMONO cuba menenun kain.



DUTA-DUTA ASEAN mencanting batik di Malaysia.



ACARA yang ditunggu-tunggu, menikmati buah-buahan tempatan.



DUTA-DUTA ASEAN seronok menari zapin diiringi lagu tradisional.



# Kelazatan Y&A Pisang Goreng Cheese buat pengunjung terliur



FOTO: SYUQQREE  
MOHD DAIN  
HAZIRAH HALIM

**K**EENAKAN pisang goreng cheese tidak dapat disangkal lagi. Turut disajikan dengan pelbagai variasi perisa, permintaan terhadap sajian minuman petang ini cukup tinggi bukan sahaja dalam kalangan kanak-kanak malah golongan dewasa juga turut menggemarinya.

Menyedari keunikan juadah yang satu ini, membuatkan bekas tukang masak syarikat penerangan popular, **Muhammad Alif Arif**, 30, mengambil keputusan membuka kios Y&A Pisang Goreng Cheese.

Terletak di Medan Selera,

Presint 8, Putrajaya, keistimewaan pisang goreng ini adalah ia menggunakan pisang abu yang diimport dari Indonesia selain mempertaruhkan 10 variasi perisa yang memukau.

Antaranya *chocolate cheese*, *nutella cheese*, *oreo cheese*, *milky cheese*, *strawberry cheese* dan banyak lagi.

"Pemilihan pisang abu dari Indonesia kerana ia lebih lembut dan manis apabila dimakan berbanding pisang abu di Malaysia. Disebabkan itu, saya tidak pernah menggunakan pisang lain kerana ingin mengekalkan kualiti tersebut."

"Jika tiada stok pisang atau pisang belum masak sepenuhnya, saya terpaksa membatakan jualan di kios kerana saya begitu mementingkan hasil yang

terbaik untuk para pelanggan," ujarnya yang kebiasaannya memperuntukkan 30 kilogram pisang di kios setiap hari.

Menyentuh tentang '*hot flavour*' yang menjadi kegiatan ramai terutama kanak-kanak, Alif berkata, menariknya *chocolate cheese* dan *white chocolate cheese* yang dihasilkan menggunakan coklat Beryl's.

"Ia akan cair di mulut dan sekali gus menambah lagi kesedapan pisang goreng ketika dimakan. Ia lebih sedap jika dinikmati ketika hangat berbanding ketika sejuk kerana ia akan menjadi keras."

"Walaupun boleh makan pada bila-bila masa sahaja tetapi seeloknya makan selepas digoreng kerana waktu itu, kita dapat rasakan perisa tersebut menyerap dan menjadi sebatи

dengan pisang," jelasnya yang juga pernah berkhidmat di bahagian penyediaan makanan di salah sebuah hotel terkemuka di Kuala Lumpur.

Katanya lagi, dia tidak akan menjual pisang goreng yang sudah sejuk sebaliknya hanya akan mula memasak apabila pelanggan membuat pesanan secara *walk-in* mahupun secara dalam talian.

Dari segi harga pula, Y&A Pisang Goreng Cheese dijual dengan dua saiz iaitu saiz kecil yang berharga RM15 hingga RM19 bagi tujuh keping manakala saiz sederhana berharga RM16 hingga RM20 untuk 10 keping.

"*Single pack* ini sesuai untuk dimakan dua hingga tiga orang. Selain itu, kita juga ada *family pack* untuk sesiapa yang ingin membeli dalam jumlah yang besar dan

menariknya mereka boleh campur tiga atau empat perisa dengan harga RM57 hingga RM59 bagi 30 keping," katanya.

Tambah Alif, selain daripada menjual pisang goreng cheese, dia turut menjual makanan lain seperti keropok lekor serta roti canai dan hanya terdapat pada waktu pagi setiap hujung minggu. **WK**



**Y&A PISANG GORENG CHEESE**

Lokasi: Medan Selera, Presint 8 Putrajaya

Waktu operasi: 11 pagi hingga 7.30 malam

Hubungi: 016-695 6928



ALIF (kanan) menunjukkan pisang goreng cheese yang telah siap diletakkan perisa.



PELANGGAN akan diberikan pisang goreng yang masih hangat untuk mendapatkan rasa yang lebih sedap serta cair di mulut.



# Elak dedah isu keselamatan negara secara terbuka



DATUK DR ISMAIL SUALMAN

**SU** Kapal Tempur Pesisir (LCS) yang menjadi polemik ketika ini seharusnya tidak dibincangkan secara terbuka melalui media sosial kerana kesannya sangat berat, tidak produktif dan merugikan.

Sebaiknya, polemik atau skandal LCS ini perlu dihentikan perbincangan terbuka bagi mengelak timbul pelbagai persepsi di media massa dan media sosial kerana ini adalah isu keselamatan nasional.

Namun, timbul persoalan adakah isu ini satu agenda untuk bermulanya game bagi menarik perhatian masyarakat. Isu utama dalam projek ini adalah kelewatian pembekalan enam kapal LCS kerana kegagalan kedua-dua pihak iaitu Kementerian Pertahanan dan syarikat terbabit dalam pembinaannya untuk memuktamadkan kertas cadangan dikemukakan.

Apatah lagi isu LCS melalui tiga episod pemerintahan bermula pada 2014 hingga 2017 ketika 44 peratus projek itu berjalan, kemudian ditangguhkan pada 2018 oleh kerajaan ketika itu.

Pada 2019 ia disambung kembali, namun negara berhadapan dengan COVID-19 pada 2020 sehingga 2021 menyebabkan projek terhenti sekali lagi. Pada tahun ini, projek disambung kembali dan timbul isu kelewatan pembekalan seperti diketahui sekarang.

Dalam hal ini, perbincangan harus berdasarkan fakta dan laporan bukannya melempar tuduhan atau menuduh jari kepada mana-mana pihak atau dan pemimpin. LCS kini menjadi isu rakyat kerana membabitkan persoalan keselamatan negara. Namun, kita perlu mendapat maklumat dan fakta serta keadaan sebenarnya.

Laporan audit forensik dilampirkan bersama Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) tidak menyebut langsung mana-mana pemimpin membabitkan menteri dikatakan menyeleweng kes ini

## TERMA KONTRAK LEMAH



KEMENTERIAN Pertahanan membawa petugas media ke Lumut baru-baru ini untuk melihat sendiri kapal-kapal LCS yang sudah di peringkat pembinaan selain diberi taklimat tentang reka bentuk LCS.

NAMUN, PAC mendapati terma kontrak adalah lemah dan tidak memihak kepada kerajaan yang mana pembayaran projek LCS berdasarkan kemajuan aktiviti atau pembekalan item, bukan berdasarkan kemajuan sebenar.

Kajian daya maju (*due diligence*) dilakukan kerajaan terhadap syarikat Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd (BNS) untuk pembinaan lima kapal LCS Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) gagal mengesan masalah kewangan syarikat berkenaan.

Menurut jadual asal, lima kapal LCS harus disiap dan diserahkan seperti dijadualkan. Ini terbukti apabila kerajaan terpaksa membuat pembayaran pendahuluan sehingga RM1.36 bilion kepada BNS, bertentangan dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 yang berkata kuasa ketika itu.

Kontrak projek LCS kepada BNS secara rundingan terus juga mencatatkan kerajaan membayar sejumlah RM6.083 bilion, namun tiada sebuah kapal LCS pun dapat disiapkan.

Fakta menunjukkan sembilan rumusan diperoleh PAC menerusi prosiding berkaitan kontrak berkenaan. PAC juga mendapati pandangan TLDM selaku pengguna akhir tidak diendahkan Kementerian Pertahanan dan BNS.

Pada asalnya, reka bentuk kapal jenis SIGMA pilihan TLDM

dipersetujui Menteri Pertahanan, tetapi keputusan itu berubah kepada reka bentuk kapal jenis GOWIND pada 11 Julai 2011 atas cadangan BNS yang dibawa kepada Menteri Pertahanan pada 8 Julai 2011.

Kenyataan Tan Sri Abdul Aziz, Panglima TLDM pada ketika itu, keputusan berkenaan adalah 'sangat tidak betul'. Ini adalah luar biasa dan menyebabkan bayaran kemajuan LCS melebihi kemajuan kerja sebenar 21.1 peratus. Bayaran sebanyak 63.8 peratus berbanding kemajuan kerja sebenar 42.7 peratus.

Laporan PAC menyatakan kedudukan kewangan BNS lemah dalam pengurusan kewangan dengan hutang syarikat kepada pengeluaran produk tulen (OEM) bernilai RM801 juta. Pinjaman dengan institusi kewangan RM956 juta, setakat 2018.

BNS melantik Contraves Advanced Devices Sdn Bhd (CAD) dan Contraves Electrodynamics Sdn

Bhd (CED) untuk membeli peralatan daripada OEM, menyebabkan kos pembelian bertambah berkali ganda, manakala kedua-dua syarikat itu adalah syarikat usaha sama antara BNS dan Rheinmetall Air Defense AG (RAD).

RAD mempunyai kawalan penuh ke atas CAD dan CED, selain Laporan Pengauditan Forensik mendapati peranan kedua-dua syarikat berkenaan dalam projek LCS amat meragukan.

Setakat ini reka bentuk lengkap masih belum dimuktamadkan kerajaan dan BNS. Ini menyebabkan Arahan Perubahan Kerja (VO) dikeluarkan secara berterusan dan membuka ruang untuk manipulasi berlaku.

Pembayaran diterima daripada kerajaan daripada BNS tidak digunakan untuk projek LCS sepenuhnya, menyebabkan BNS menghadapi terlebih kos RM1.4005 bilion dengan sejumlah RM400 juta daripadanya digunakan bagi menyelesaikan hutang lapuk projek lama Kapal Peronda Generasi Baru (NGPV).

## 15 PERATUS PERALATAN DIANGGARKAN USANG

PERALATAN disimpan dalam stor bagi projek LCS dianggarkan berjumlah RM1.7 bilion dan dianggarkan 15 peratus menjadi usang. Mengenai langkah penambahbaikan, PAC mengesyorkan tujuh perkara kepada kerajaan untuk dilaksanakan.

Antaranya Laporan Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan (JKSTUPKK) berhubung Perolehan

**“ Polemik atau skandal LCS ini perlu dihentikan perbincangan terbuka bagi mengelak timbul pelbagai persepsi di media massa dan media sosial kerana ini adalah isu keselamatan nasional.**

Enam Second Generation Patrol Vessel (SGPV), Berkeupayaan Littoral Combatant Ship (LCS) TLDM, Kementerian Pertahanan (MINDEF) dinyahklasifikasi sepenuhnya.

Selain itu, insiden perubahan pemilihan reka bentuk kapal LCS daripada SIGMA kepada GOWIND harus dijadikan pengajaran dengan perolehan peralatan dan kelengkapan pertahanan negara harus mengutamakan keperluan pengguna akhir dan perolehan pada masa hadapan perlu selari Kertas Putih Pertahanan 2020-2030.

Justeru, tindakan drastik perlu dilakukan segera. Pentadbiran kontrak kerajaan harus diperkemas untuk meminimumkan VO bagi mengelak peningkatan kos projek, selain Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) perlu segera mengambil tindakan ke atas segala penemuan Laporan PAC, Laporan JKSTUPKK dan Laporan Pengauditan Forensik. Jika, pendakwaan harus disegerakan.

Kementerian Pertahanan perlu melihat semula semua pilihan tindakan risiko dan menetapkan hala tuju terbaik bagi projek LCS bagi memastikan wang awam dibelanjakan secara bertanggungjawab.

Kementerian ini juga perlu membentangkan laporan kemajuan projek LCS setiap tiga bulan kepada PAC sehingga ia disempurnakan. Maka, wujudkan gesaan penubuhan Siasatan Di Raja (RCI) dalam menangani isu ini.

Paling bahaya, perbahasan secara terbuka di Parlimen mendedahkan terlalu banyak rahsia persenjataan negara kepada dunia yang boleh mengancam keselamatan negara.

**PENULIS merupakan pensyarah Profesor Universiti Teknologi MARA (UiTM).**



**B**ERTERASKAN aspirasi Keluarga Malaysia, drama rantaian berjudul 'Pekan Kecil Kampung Terpencil' yang diadaptasi dari pantun kerjasama antara Unit Drama TV RTM dengan Dewan Bahasa Dan Pustaka diterbitkan khas sebagai kira detik menuju Sambutan Hari Kebangsaan ke-65.

Drama 10 episod arahan Wan Afzam Wan Daud ini mulai bersiaran pada 22 hingga 31 Ogos ini, pukul 6 petang di TV1. Menampilkan kemunculan gandingan pelakon utama Che Kem dan Ziema Din, kisah kemasyarakatan yang disulami dengan nilai kemuafakatan dalam masyarakat setempat ini turut dibintangi oleh pelakon berpengalaman Fathil Dani, Raja Ema, Khiriah, Wani Kayrie, Bohari Ibrahim, Rosnah Johari dan Bell Ngasri.

Cerita bermula di sebuah perkampungan terpencil yang masyarakatnya di situ sangat harmoni seperti sebuah keluarga besar. Tidak kira bangsa mereka semua saling tolol menolong dan menghormati. Di hari mereka menerima kedatangan kubah bagi masjid kecil mereka (hasil kutipan seluruh penduduk kampung) mereka juga menerima kedatangan seorang wanita, Dara yang dahulunya pernah bekerja di situ.

Seluruh penduduk kampung terarah kepada pemuda bernama Wadud yang mereka semua tahu, pemuda tersebut pernah bercinta dengan wanita tersebut. Kisah epik percintaan antara mereka berdua kini menjadi perbualan disegenap kampung tersebut. Dari kecil hingga ke tua masing-masing

# Pekan Kecil Kampung Terpencil drama bersiri Keluarga Malaysia



DRAMA 10 episod ini akan bersiaran bermula 22 sehingga 31 Ogos.

bercerita tentang kisah cinta epik tersebut. Namun masing-masing masih tidak mendapat jawapan kenapa Wadud dan Dara itu berpisah.

Bitit-bitit konflik mula terbit antara penduduk kampung, apabila masing-masing mempertahankan jawapan tentang perpisahan cinta epik tersebut. Ketua kampung mula menyedari tentang penduduk kampung. Mesyuarat tergempar diadakan bagi menyelesaikan isu

tersebut.

Hingga seorang bernama Mokhtar bersuara agar mereka berdua dinikahkan. Cadangan itu diterima oleh semua orang kampung. Pembahagian tugas dilakukan malam itu juga, bagi mengetahui adakah Wadud dan Dara masih ada perasaan cinta tersebut.

Wakil kaum lelaki pergi mendapatkan Wadud untuk mendapat kepastian. Wakil kaum

wanita ditugaskan untuk berjumpa dengan Dara. Wadud pada mulanya menolak cadangan perkahwinan tersebut. Tetapi akhirnya setuju setelah dipujuk. Tetapi Wadud diletakkan syarat. Rusa! Ya rusa untuk hidangan perkahwinan itu. Dan tempoh pernikahan perlu diadakan dalam masa 10 hari lagi.

Walaupun permintaan itu agak sukar, pasukan lelaki setuju. Terpaksa. Wakil kaum wanita berjumpa dengan Dara. Tidak sempat bertanya tentang status Dara, Dara mengatakan dia dan anaknya akan duduk disitu berdua sebelum yang lain datang. Jawapan itu disalah erti oleh wakil wanita. Mereka pulang hampa. Sehingga ketika mereka keluar dari rumah dan terserempak dengan 'anak gadis' Dara, iaitu Kasih.

Hari kelapan Dara dan Kasih tidak kelihatan di rumah. Begitu juga hari kesembilan. Seluruh kampung menjadi cemas dan tertanya-tanya. Mesyuarat tergempar diadakan. Salah menyalah mula berlaku. Mokhtar sekali lagi mengeluarkan kenyataan yang dilihat logik. Mokhtar mengatakan yang Dara lari, seperti dahulu ketika Wadud dan Dara

bercinta.

Mokhtar berpendapat yang Dara takut dengan komitmen. Pada mulanya kebanyakan mereka tidak menerima kenyataan dari Mokhtar. Tetapi melihat yang kesemua anak Mokhtar itu perempuan. Mereka akur, yang Mokhtar mengenali 'hati, budi dan segalanya tentang perempuan. Wakil lelaki menenangkan Wadud. Risau Wadud kecewa sedangkan Wadud tenang sahaja dengan situasi tersebut.

Hari ke-10, rusa sudah tertambat. Penduduk kampung mula berkumpul di tempat majlis yang dirancang. Penghulu tiba bersama isteri. Pemuzik, pesilat dan penari-parni sudah sampai.

Wadud tiba lengkap berbusana. Seluruh penduduk hanya mampu memandang. Wadud berjalan yakin menuju ke tempat pernikahan yang disediakan. Satu jam lagi untuk menunggu jurunikh sampai. Dara masih tak nampak muka. Akhirnya jurunikh tiba. Masing-masing sudah reda dengan apa yang bakal berlaku.

Tepat pukul 10 pagi saat-saat mengujakan berlaku. Adakah bakal pengantin perempuan tiba seperti yang dijanjikan? Berjayakah mereka melaksanakan pelbagai adat perkahwinan lama seperti yang dirancang? Ikuti kesudahannya di TV1.

Bagi mereka yang tidak sempat untuk menonton di TV, anda berpeluang menontonnya menerusi portal online, RTM Klik ([rtmklik.rtm.gov.my](http://rtmklik.rtm.gov.my)) dan *rtm mobile*. Muat turun aplikasinya di Google Play dan App Store.

## RASFAN ABU BAKAR

**F**ILEM ini bermula di planet Krypton sejurus sebelum kemaslahannya. Jor-El dan Lara mengantar bayi mereka Kal-El ke dalam pod. Pada masa yang sama mereka berdua menjauhkannya daripada seekor anak anjing yang juga kawan baiknya Krypto. Sebelum pod ditutup Krypto meronta dan sempat melompat masuk ke dalam pod untuk terus bersama Kal-El. Walaupun Jor-El cuba menghalang, Lara memberitahunya bahawa lebih baik anak mereka mempunyai kawan daripada bersendirian. Sejurus itu pod tersebut terbang ke angkasa dan planet Krypton pun meletup.

Di bumi semua orang mengenali Kal-El sebagai Clark Kent/Superman. Krypto sebagai kawan baiknya dan mereka melakukan banyak aktiviti bersama seperti terbang di sekitar Metropolis dan melindungi orang yang lemah. Walau bagaimanapun, Krypto tidak baik dengan haiwan lain kerana merasakan bahawa dia lebih gagah mempunyai kuasa seperti Superman. Krypto juga turut cemburu dengan hubungan Superman dan Lois Lane. Anjing-anjing lain pula seperti menyindir Krypto bahawa dia mungkin akan ditinggalkan kerana Superman telah mempunyai seorang teman wanita.

Bagi mengatasi masalah tersebut

# DC League of Super-Pets, Kisah Adiwira Haiwan



Clark membawa Krypto ke tempat perlindungan haiwan peliharaan bagi mencari teman baru buat Krypto. Di tempat perlindungan itu terdapat pelbagai haiwan yang menganggap mereka tiada harapan untuk dipelihara seperti anjing yang kuat berceloteh bernama Ace, babi gempal bernama PB, kura-kura yang rabun bernama Merton, tupai penakut bernama Chip dan seekor babi guinea botak bernama Lulu. Lulu merupakan haiwan kajian makmal milik oleh Lex Luthor dan dia mempunyai rancangan jahat untuk menguasai dunia.

Babak aksi adiwira bertarung bermula pada hari itu apabila Krypto dan Superman menggunakan penglihatan x-ray mereka dan mendapati Lex Luthor dan pembantunya Mercy Graves cuba menarik meteor kryptonite berwarna oren menggunakan traktor. Lex melakukan perkara itu kerana beranggapan kryptonite berwarna oren boleh memberikannya kuasa yang sama seperti Superman. Krypto dan Superman pergi untuk menghalangnya dan disertai oleh seluruh Justice League iaitu

Batman, Wonder Woman, Aquaman, Green Lantern dan Cyborg.

Pada malam harinya ketika Clark melangkah keluar untuk menemui Lois, dia telah disambut oleh Lulu dengan menggunakan batu kryptonite hijau. Clark tercengang ke udara dan menyedari perkara tersebut Lois telah memanggil bantuan Justice League untuk melawan Lulu. Krypto yang cuba untuk bertindak turut berasa lemah kerana sebelum itu dia telah memakan keju yang telah diletakkan serpihan batu kryptonite.

Seterusnya berlakulah aksi pertarungan di antara Justice League dan sekumpulan haiwan berkuasa ajaib pimpinan Lulu. Akhirnya Justice League tewas dan kesemua ahlinya telah ditawan oleh Lulu. Menyedari perkara itu Krypto telah berusaha mendapatkan bantuan dari rumah perlindungan haiwan yang diketuai oleh Ace. Setelah berjaya meyakinkan mereka maka bermulalah aksi-aksi haiwan peliharaan dengan kuasa adiwira keluar bertarung dengan kumpulan penjahat yang diketuai oleh Lulu.

Di penghujungnya Super Pets berjaya mengalahkan Lulu dan membebaskan kesemua ahli Justice

League. Haiwan dengan kuasa super ini kemudian dijadikan teman oleh setiap ahli Justice League. Wonder Woman menerima PB dan menganggapnya sebagai pahlawan yang hebat, Jessica mengambil Chip sebagai sebahagian daripada Green Lanterns, Flash menerima Merton, Mark dan Keith yang mempunyai kuasa api dan air menjadi peneman Cyborg dan Aquaman. Batman dan Ace pula menjadi akrab walaupun suka bersendirian.

Bagi peminat DC di Malaysia, DC League of Super-Pets mempunyai kejutannya yang tersendiri kerana ia dilakonkan oleh pelakon Malaysia iaitu Sean Lee bagi watak anjing bernama Waffles. Watak Waffles unik kerana dia bertutur bahasa Inggeris dengan slang Malaysia seperti menyebut 'lah' di penghujung ayat. Waffle juga turut sempat bercakap dalam bahasa Melayu!

Jadi bagi mereka yang inginkan kelainan dalam kisah berkaitan adiwira, DC League of Super-Pets adalah jawapannya.

**PENULIS merupakan pensyarah seni visual di Fakulti Animasi & Multimedia, Akademi Seni Budaya & Warisan Kebangsaan (ASWARA).**

# Penduduk gembira terima Jalur Gemilang



KORESPONDEN  
KHAIRUL IDIN

**K**OMUNITI Rukun Tetangga (KRT) Kampung Rancha-Rancha Darat dan Laut telah mengedarkan kira-kira 300 bendera Jalur Gemilang kepada penduduk kampung tersebut.

Pengerusi KRT Kampung Rancha-Rancha Darat dan Laut, **Alias Asri** berkata Ahli Jawatankuasa (AJK) KRT telah memasang 100 Jalur Gemilang di laluan utama dan lokasi tumpuan orang ramai di kampung tersebut.

Jelasnya, KRT turut menyerahkan 100 Jalur Gemilang ke rumah-rumah penduduk kampung dan AJK KRT sendiri.

"KRT turut mengedarkan 100 Jalur Gemilang kepada pengguna jalan raya di hadapan Sekolah Kebangsaan Rancha-Rancha



**ALIAS** (tengah) bersama AJK KRT Kampung Rancha-Rancha Darat / Kampung Rancha-Rancha Laut bersemangat selepas mengedarkan Jalur Gemilang kepada penduduk kampung.

(SKRR).

"Saya berharap penduduk kampung tidak ketinggalan untuk mengibarkan bendera Jalur Gemilang di premis dan kendaraan masing-masing.

Beliau berkata demikian selepas mengetuai 15 AJK KRT mengedarkan Jalur Gemilang kepada penduduk kampung sempena Program Kibar Bendera Jalur Gemilang Sempena Bulan Kemerdekaan Tahun 2022 pa-

da Sabtu lalu.

Sementara itu, salah seorang AJK KRT, Yatie Othman bangga dapat membantu mengedarkan Jalur Gemilang kepada penduduk kampung dan orang ramai yang melalui

Jalan Rancha-Rancha.

"Sebagai rakyat Malaysia, kita sewajarnya menunjukkan kesetiaan kita dengan mengibarkan Jalur Gemilang di kediaman dan kenderaan masing-masing," katanya.

Yatie berkata semangat merdeka ini sewajarnya disemarakkan kepada semua penduduk kampung khususnya generasi muda dan kanak-kanak.

Dalam pada itu, Alias turut mengucapkan terima kasih atas kerjasama dan komitmen AJK KRT yang bukan sahaja membantu melaksanakan program tersebut tetapi menyemarakkan Bulan Kemerdekaan Tahun 2022.

Beliau berharap Kampung Rancha-Rancha dihiasi bendera Jalur Gemilang sekali gus memeriahkan sambutan Bulan Kemerdekaan pada tahun ini.

"Kita bukan sahaja seronok mengibarkan Jalur Gemilang tetapi mahu generasi muda menghayati pengorbanan pejuang tanah air," katanya. **WK**

## KPDNHEP Labuan rampas 1,496 paket minyak masak bersubsidi

**S**EBANYAK 1,496 paket minyak masak bersubsidi berjaya dirampas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Labuan di sebuah kedai runcit di sini, baru-baru ini.

Pengarah KPDNHEP Labuan, **Junaidah Arbain** berkata secara keseluruhan rampasan tersebut bernilai RM4,586.45.

Katanya, selain itu pihaknya turut merampas 297 kilogram (kg) gula.

"Rampasan itu telah dilakukan selepas pihak penguat kuasa KPDNHEP melakukan pemeriksaan rutin mengenai pematuhan penjualan barang kawalan bersubsidi di kedai runcit berkenaan

pada petang Isnin lalu.

Beliau berkata hasil daripada pemeriksaan itu, pemilik kedai runcit tersebut tidak memiliki lesen di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 untuk menjual barang kawalan tersebut.

"Lesen untuk menjual barang kawalan tersebut hanya RM10 setahun dan masih ada peniaga gagal memohon lesen tersebut daripada KPDNHEP," katanya dalam satu kenyataan, baru-baru ini.

Selain itu katanya bekalan minyak masak botol dan peket juga didapati stabil sambil menambah terdapat tujuh pemborong utama yang membekalkan sebanyak 150 metrik tan minyak masak untuk kegunaan penduduk Labuan selama sebulan. **WK**

mendapati rata-rata peniaga di pulau ini mematuhi penetapan harga siling minyak masak tulen kemasan botol 1kg, 2kg, 3kg dan 5kg yang berkuat kuasa pada 8 Ogos lalu.

Beliau berkata hasil pemantauan yang dilakukan oleh pihak pengawas KPDNHEP mendapat peniaga menjual minyak masak memohon lesen tersebut pada harga yang telah ditetapkan kerajaan katanya.

Selain itu katanya bekalan minyak masak botol dan peket juga didapati stabil sambil menambah terdapat tujuh pemborong utama yang membekalkan sebanyak 150 metrik tan minyak masak untuk kegunaan penduduk Labuan selama sebulan. **WK**



**JUNAI DAH** (tiga dari kiri) bersama pasukannya melakukan pemeriksaan harga minyak masak di salah sebuah pasar raya di sini, baru-baru ini.

## 130 peserta sertai Senam Sihat Keluarga Malaysia 'Muzium dan Komuniti'



PARA peserta menyertai senam Zumba Senam Sihat 'Muzium dan Komuniti' dengan pakaian sarung batik dan tradisi anjuran Jabatan Muzium Chimney, pada Ahad lalu.

SERAMAI 130 peserta menyertai Program Senam Sihat 'Muzium dan Komuniti' anjuran Jabatan Muzium Chimney, baru-baru ini.

Program yang bertemakan pakaian sarung batik dan tradisi ketika berzumba itu merupakan salah satu inisiatif pihak Jabatan Muzium Chimney dalam membudayakan hidup sihat di kalangan masyarakat setempat.

Menurut Ketuaanya, **Nurlina Hamza**, program itu diadakan bertujuan mewujudkan hubungan dua hala di antara pihak Muzium dengan masyarakat agar

pembangunan sosial dapat diwujudkan.

Katanya, selain itu program itu juga turut mempromosikan pelbagai aktiviti dan peranan muzium kepada masyarakat.

"Dengan aktiviti ini kita dapat mendekati masyarakat di samping menyemarakkan Sambutan Bulan Kemerdekaan yang bertemakan Keluarga Teguh Bersama.

"Sambutan pada program kali ini amat meriah dengan kehadiran masyarakat setempat yang begitu semangat menyertai program yang diadakan," katanya kepada Wilayahku, baru-baru ini.

Dalam pada itu, Nurlina berharap dengan penganjuran program itu dapat memberi manfaat dalam memupuk hubungan erat di antara pihak muzium dan masyarakat setempat.

"Kita harap dengan penganjuran seperti ini memberikan manfaat kepada masyarakat dan memberikan kerjasama dalam mempromosikan aktiviti muzium," katanya lagi.

Terdahulu, pada program itu pelbagai pengisian turut diadakan iaitu pertandingan pakaian tradisi, cabutan bertuah dan peraduan timbang berat badan (selepas berzumba). **WK**

## PERADUAN MEWARNA PM178



NAMA PENUH: .....

UMUR: ..... NO. MYKAD: .....

ALAMAT: .....

.....

NO. TELEFON IBU/BAPA/PENJAGA: .....

Adik-adik yang berumur 12 tahun ke bawah layak menyertai peraduan ini, asalkan adik-adik adalah warganegara Malaysia.

**CARA MENYERTAI:**

1. Warnakan terus pada lukisan di atas, atau membuat salinan fotostat dan kemudian mewarnakan di atas salinan tersebut.
2. Boleh menggunakan sebarang jenis alatan mewarna.
3. Setelah siap, minta mak atau ayah rakam gambar lukisan adik-adik berserta biodata diri dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: [wilayahku2022@gmail.com](mailto:wilayahku2022@gmail.com) dengan tajuk "PERADUAN MEWARNA PM178".
4. Tarikh tutup penyertaan adalah pada **27 OGOS 2022**.
5. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku **Bilangan 180**.

**3** PENYERTAAN TERBAIK  
PADA SETIAP MINGGU  
AKAN MENERIMA BAUCAR  
TUNAI BERNILAI RM50.00.


**KEPUTUSAN PERADUAN SANTAI 176**

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Mewarna PM176 daripada akhbar Wilayahku Edisi 176:

NUR ALYA QAISARA RAZIMAN SYAH  
(9 tahun)  
Presint 17, Putrajaya

PUTERA AIMAN MOHD FAUZAN  
(12 tahun)  
Wilayah Persekutuan Labuan

BALQIS UMAIRA ABDUL GHANI  
(10 tahun)  
Shah Alam, Selangor

**TEKA SILANG KATA SK178****MELINTANG**

1. Rombongan/perwakilan
5. Kuantiti ubat
6. Besi hujung bercangkuk
9. Renyuk/lusuh
10. Barisan
11. Habis/usai
13. Dunia

**KE BAWAH**

1. Sejenis tumbuhan menumpang
2. Kecut/kendur
3. Relau membakar batu-bata
4. Kebangkitan
7. Huruf
8. Bekas mencedok air
11. Sarjana Muda Sastera
12. Permit Import

NAMA PENUH: .....

UMUR: ..... NO. MYKAD: .....

ALAMAT: .....

.....

NO. TELEFON: .....

Peraduan silang kata ini terbuka kepada rakyat Malaysia di semua peringkat umur.

**CARA MENYERTAI:**

1. Isikan perkataan yang tepat pada petak di atas menggunakan pen.
2. Setelah siap diisi, rakam gambar dan biodata diri di atas dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: [wilayahku2022@gmail.com](mailto:wilayahku2022@gmail.com) dengan tajuk "TEKA SILANG KATA SK178".
3. Tarikh tutup penyertaan adalah pada **27 OGOS 2022**.
4. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku **Bilangan 180**.

**3** PENYERTAAN PALING TEPAT DAN  
TERAWAL PADA SETIAP MINGGU  
AKAN MENERIMA BAUCAR  
TUNAI BERNILAI RM50.00.



BAUCAR TUNAI SUMBANGAN:  
YAYASAN  
WILAYAH  
PERSEKUTUAN



Hantarkan video bakat anda yang berumur **14 tahun ke bawah** tidak kira berbentuk nyanyian, bercerita, bersajak, berlakon atau sebagainya. Peserta yang terpilih akan dipanggil untuk uji bakat dan berpeluang untuk menyertai kumpulan produksi **WILAYAHKU TV**.

Durasi video tidak lebih 3 minit.  
E-melkan kepada:  
[wilayahku2022@gmail.com](mailto:wilayahku2022@gmail.com)  
Sertakan sekali NAMA PENUH, UMUR, ALAMAT dan NO. TELEFON IBU/BAPA.

**KINABALU**  
NOR AZIAN MOHD YUSOF  
(39 tahun)  
Dengkil, Selangor

NIK DANISH HILMAN NIK AZRUL  
(28 tahun)  
Desa Tun Razak, Kuala Lumpur

MOHD FADHILAH ABDULLAH  
(41 tahun)  
Puchong, Selangor



Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Teka Silang Kata SK176 daripada akhbar Wilayahku Edisi 176:

NOR AZIAN MOHD YUSOF  
(39 tahun)  
Dengkil, Selangor

NIK DANISH HILMAN NIK AZRUL  
(28 tahun)  
Desa Tun Razak, Kuala Lumpur

MOHD FADHILAH ABDULLAH  
(41 tahun)  
Puchong, Selangor



FOTO: SYUQQREE  
MOHD DAIN  
HAZIRAH HALIM

JATUH bangun dalam bidang perniagaan adalah lumrah yang sering dihadapi oleh usahawan. Namun jika sekali terjatuh, bukanlah bermakna kita tidak boleh bangkit untuk menggapai kejayaan.

Pernah berdepan dengan situasi tersebut, bukanlah pengakhiran buat usahawan butik tudung, Izzati Zain dan suaminya Imaduddin Aminuddin. Kegagalan membuatkan mereka bangkit dan berjaya membuka butik di Ayer 8, Putrajaya.

Bercerita kepada *Wilayahku*, ketika kali pertama berniaga tudung secara borong di Kuala Lumpur pada tahun 2010 hingga 2015, persaingan amat sengit sekali sehingga kedai mereka sering kali sunyi daripada pelanggan.

"Bayangan kadang-kadang dari pagi sampai ke petang tak ada pelanggan. Mungkin juga kerana ramai yang berniaga tudung di situ yang mana setiap hari kami perlu bertungkus-lumus membuat promosi secara besar-besaran antara sesama peniaga.

"Antaranya kami perlu duduk di kaki kedai untuk memanggil pelanggan supaya singgah ke kedai kami selain menawarkan harga yang lebih murah," ujarnya mengenang di awal perjalannya sebagai usahawan.

Izzati berkata ketika itu mereka mengambil stok tudung dari negara China dan berdepan pelbagai cabaran termasuklah sukar mendapatkan bekalan segera.

"Kami juga sukar berkomunikasi kerana mereka tidak fasih berbahasa Inggeris," ujarnya.

Melangkah ke hadapan, beliau dan suami tekad membuka butik di bawah label Nurhannah pada tahun 2014 dan ia semakin



IZZATI

dikenali ramai selain telah memiliki pelanggan tetap.

"Pembukaan butik selepas penjenamaan semula menyunting keberanian serta ketabahan diri saya untuk membangunkan perniagaan tersebut lebih-lebih lagi ketika mengetahui anak kedua kami menghidap autisme.

"Dalam tempoh setahun pertama kami buka butik ini, saya dan suami bekerja keras sehingga dinihari dan usaha sehabis baik untuk memperkenalkan butik ini kepada orang ramai," katanya.

#### HARGA MAMPU MILIK

BERKONGSI mengenai keistimewaan butiknya, Izzati berkata semua koleksi tudung didapati daripada pembekal tempatan selain menawarkan lebih 60 warna dan pelbagai jenis material seperti *satin*, *chiffon*, *bubble* serta banyak lagi.

"Lebih 20 jenis tudung terdiri daripada tudung bawal, selendang, sarung dan juga tudung kanak-kanak terdapat di sini dengan harga bermula RM5 hingga RM50," ujarnya.

Izzati berkata beliau menekankan kualiti kain, kemasan jahitan dan corak serta turut menawarkan pelbagai jenis pilihan baju kasual, telekung dewasa dan kanak-kanak dan baju muslimah yang boleh dipadankan dengan seluar.

"Kepuasan pelanggan menjadi keutamaan Nurhannah dan itu membuatkan kami mampu bertahan selama lapan tahun



IZZATI (tengah) bersama kakitangan Nurhannah sentiasa memeriksa produk keluarannya bagi memastikan kualiti yang ditetapkan sebelum ia dijual kepada pelanggan.



PRODUK keluaran Nurhannah sering mendapat maklum balas positif termasuklah selesa apabila dipakai, warna yang menarik dan tidak luntur serta mempunyai pelbagai pilihan untuk wanita moden.

dalam industri fesyen ini," katanya.

Katanya, pihaknya akan sentiasa memastikan kualiti di atas jenama Nurhannah sentiasa dalam keadaan yang baik sebelum ia dijual kepada pelanggan.

"Kami sentiasa memantau dengan terperinci berkenaan proses penghasilan tudung dari mula hingga akhir bagi memastikan kualiti tudung Nurhannah terjaga.

"Alhamdulillah, melalui cara

itu, kami mendapat maklum balas yang positif daripada pelanggan sehingga ada yang mengatakan produk keluaran Nurhannah selesa dipakai, tidak mudah luntur warna dan banyak pilihan," ujarnya. **W.K**



**BUTIK NURHANNAH**  
Tempat : Ayer@8, presint 8, Putrajaya  
Waktu operasi : 10.30pg-10mlm  
Facebook : Butik Nurhannah  
Instagram : butiknurhannah

# GL@W Putrajaya bakal terima penarafan bintang MOTAC



AINI MAWAWI

**S**ALAH satu produk pelancongan baharu yang semakin popular di Putrajaya iaitu *Glamping@Wetland* (GL@W) sedang dalam proses penarafan bintang oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC).

Menurut Pengarah Negeri MOTAC Kuala Lumpur/Putrajaya, **Azhan Abrar**, pihaknya sedang dalam proses penelitian untuk memberi penarafan bintang kepada destinasi *glamping* yang terdapat di pusat pentadbiran kerajaan persekutuan tersebut.

"Proses ini memakan masa kira-kira sebulan namun ia bergantung kepada keadaan semasa yang mana ia juga turut melibatkan agensi lain seperti Tourism Malaysia dan Pihak Berkusa Tempatan (PBT)," ujar beliau kepada *Wilayahku*.

Mengulas lanjut tentang GL@W, Azhan berkata sebelum berpeluang melawat tapak *glamping* tersebut, beliau sering mendengar tentang produk yang



AZHAN

semakin popular dalam kalangan pengunjung itu.

"Apabila berpeluang datang ke sini, saya merasakan ia satu produk libur terkini gabungan konsep '*'glamorous'* dan '*'camping'* yang menarik dan sesuai buat mereka yang suka ketenangan," ujar beliau ketika ditemui pada sesi Putrajaya Tourism Familiarization (FAM) Trip yang bertempat di GL@W, Putrajaya.

Ditanya tentang kelebihan penarafan bintang kepada produk pelancongan di Malaysia, beliau berkata ia bukanlah sesuatu yang wajib tetapi bagus untuk dimiliki kerana membantu pemilik untuk mempromosikan produk mereka.

"Pihak hotel misalnya amat mementingkan rating ini kerana ia bukan sahaja mampu menarik pelanggan tetapi turut membantu dari segi percuakan, pinjaman yang mana sesetengahnya memerlukan penarafan bintang.

"Jika suatu masa nanti GL@W ingin mendapatkan sijil halal, ia perlu mendapatkan penarafan bintang terlebih dahulu," ujar beliau menjelaskan pelbagai kriteria akan diambil kira bukan sahaja melibatkan penginapan semata-mata tetapi termasuklah makanan, kebersihan dan pekerja.



KESELESAAN pengunjung menjadi keutamaan di GL@W, Putrajaya.

Menyentuh tentang perkembangan terbaru MOTAC, Azhan berkata pihak MOTAC sedang memberi perhatian kepada dua dasar iaitu dasar pelancongan negara dan juga dasar kebudayaan negara.

"Ia diibaratkan seperti buku panduan yang mana dasar ini dibuat dari tahun 2020 hingga 2030. Jadi berbaki lapan tahun lagi, semua yang dilaksanakan perlulah berdasarkannya agar tidak tersasar.

"Selain itu, matlamat kita juga adalah bergerak ke arah ekopelancongan dan berharap kerajaan negeri dan pihak yang terlibat mengikut dasar yang kita sedang guna pakai ini," ujar beliau lagi. **W.K**

## FIKS bantu Putrajaya capai bandar mampan

**PEMBANGUNAN** mampan membawa maksud apabila keperluan generasi kini dipenuhi tanpa mengabaikan keperluan generasi akan datang.

Bagi mencapai tahap tersebut, sebuah bandar perlu mengimbangi pertumbuhan ekonomi dengan keperluan sosial dan alam sekitar.

Sehubungan itu, bagi merealisasikannya pihak Perbadanan Putrajaya (PP) mengadakan lawatan ke Pusat Kitar Semula Komuniti di Presint 5, Putrajaya baru-baru ini.

Dalam lawatan tersebut, Alam Flora membawa para tetamu kehormat melawat ke semua fasiliti yang terdapat di Fasiliti Inovasi Kitar Semula (FIKS).

"Semasa sesi lawatan di FIKS, mereka dibawa untuk melihat kawasan *Integrated Recycling Facilities* (IRF), Koc Ilmu dan Koc Kreatif, menerangkan fungsi Pusat Beli Balik (BBC) dan seterusnya mengadakan sesi perkongsian di Hab Ilmu," kata Alam Flora menerusi satu hantaran di Facebook.

Menurutnya lagi, pusat ini berupaya menampung 100 tan sampah untuk diproses dalam sehari dan dikitar semula

manakala sebahagian lagi dilupuskan di tapak pelupusan.

"Selain itu, di sini juga terdapat kemudahan *anaerobic digestor* untuk penghasilan biogas. Untuk fasa seterusnya, pusat ini akan dibersarkan dengan pelbagai kemudahan canggih," ujarnya.

Justeru itu, pihak Alam Flora mengajak orang ramai mengasingkan sisa perumahan dan pejabat supaya mudah dikitar semula mengikut kategori yang telah ditetapkan.

"Ayuh kita asingkan sisa perumahan dan pejabat supaya mudah dikitar semula mengikut kategori yang telah ditetapkan.

"Kategorinya terbahagi kepada minyak masak terpakai, kertas, botol plastik, bag plastik, sisa makanan, sisa taman dan e-waste seperti bateri, televisyen, radio, kabel dan sebagainya," katanya.

Fasiliti ini terdiri daripada lima kemudahan pembelajaran interaktif merangkumi Hab Ilmu, Koc Ilmu, Koc Kreatif, 3R Butik dan Pusat Kitar Semula.

Terdahulu, turut hadir memeriahkan program itu, Ketua Setiausaha Kementerian Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Ir Dr Zaini Ujang dan Presiden Perbadanan Putrajaya, Datuk TPr Fadlun Mak Ujud.



FADLUN (tengah) bersama Ketua Setiausaha Kementerian Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Ir Dr Zaini Ujang melawat fasiliti di FIKS.

## PUTRAJAYA 10 MILES

### PENDAFTARAN DI BUKA!

**10 MILES RM 59**

**10 KM RM 49**

**17 SEPT 2022, FLAG OFF : 8.00 MALAM DATARAN PUTRAJAYA**

**PENDAFTARAN DALAM TALIAN DI : [WWW.TICKET2U.COM.MY](http://WWW.TICKET2U.COM.MY)**

**HADIAH TUNAI BERNILAI RM 12,000.00 DAN CABUTAN BERTUAH**

Tiada kompromi dalam latihan karate

# Kueggen mahu beraksi di luar negara

SABRINA SABRE

**L**EBIH 18 tahun berkecimpung dalam arena sukan membuatkan atlet negara, **Kueggen Vijayakumar**, 23, semakin matang dalam menentukan arah tuju kejayaannya dalam sukan karate.

Malah, dia berjanji pada diri tidak akan mensia-siakan peluang di depan mata dan nekad untuk memperkenalkan aksi terbaik dalam setiap kejohanan yang diwakilinya.

"Sebelum ini saya pernah mengalami kcederaan serius iaitu *Anterior Cruciate Ligament (ACL)* di kedua-dua kaki sewaktu latihan dan pertandingan. Selain itu, saya juga pernah 'down' apabila kalah pada peringkat separuh akhir Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) 2018 yang lalu.

"Sehingga sekarang saya tidak boleh lupukan kenangan pahit itu, namun ia tidak mematahkan semangat saya untuk kekal fokus se-



terusnya memberikan yang terbaik dalam pertandingan akan datang," kongsinya kepada *Wilayahku*.

Berita lanjut mengenai sukan yang diminatinya sejak berumur lima tahun, Kueggen berkata idolanya untuk meneruskan perjuangan dalam sukan karate merupakan abangnya sendiri, Ravin Vijayakumar.

"Saya mula mengenali sukan ini melalui abang yang juga merupakan atlet Wilayah Persekutuan. Pada waktu itu, saya selalu mengikut abang berlatih. Tidak sangka akhirnya saya juga jatuh cinta dengan sukan ini," ujarnya.

Tambahnya lagi, dia bersyukur kerana keluarga sangat menyokong dan tidak pernah jemu memberikan semangat untuk memastikan kejayaan sentiasa mengiringinya.

"Jiwa saya memang dekat dengan sukan ini. Selain saya dapat merasakan masa hadapan yang cerah untuk meneruskan perjuangan dalam sukan karate," ujar anak kedua daripada empat orang



KUEGGGEN (kiri) ketika Kejohanan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2022 di Perak.

adik-beradik ini.

Menurut pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Sukan, Universiti Malaya yang aktif dalam sukan karate ini, disiplin yang ketat amat penting untuk memastikan dirinya berjaya menentang pihak lawan.

"Buat masa ini, sesi latihan

adalah setiap hari. Tidak ada kompromi. Bukan itu sahaja, ketahanan mental juga memainkan peranan yang penting kerana saya perlu bersedia memberi fokus 100 peratus sebelum beraksi bagi mengelakkan sebarang kecederaan," ujarnya.

Menyimpan hasrat untuk

## Pencapaian Kueggen Vijayakumar

2022 – Southeast Asian Karate Federation Cambodia – Emas

2022 – Southeast Asian Games Hanoi, Vietnam – Emas

2020 – Majlis Sukan Universiti Malaysia, Perlis – Emas

beraksi pada Kejohanan Karate Dunia, Kueggen mencuba sehabis baik untuk mencipta nama dalam negara terlebih dahulu.

"Sekarang saya sedang membuat persediaan untuk aksi pemilihan bagi Kejohanan SUKMA 2022 yang akan berlangsung pada pertengahan September hadapan. Apapun saya berharap terpilih memandangkan ia merupakan SUKMA terakhir saya," ujarnya. WK

# PESAYA 2022: 10 peserta terbaik sukan boling wakili YWP ke Sarawak

DIANA AMIR

**YAYASAN** Wilayah Persekutuan (YWP) kini giat menjalankan sesi pemilihan peserta bagi Pesta Sukan Antara Yayasan Negeri SeMalaysia (PESAYA).

Terbaru, 10 peserta terbaik sukan boling dipilih pada sesi pemilihan di Ampang Superbowl, Berjaya Times Square.

Seramai 47 peserta terlibat dan hanya lima peserta terbaik wanita dan lelaki dipilih berdasarkan jatahan pin tertinggi.

Menurut Pengurus Pasukan Boling, **Zity Nabilah Mohd Nadzri**, peserta dipilih adalah yang terbaik dan akan mewakili YWP untuk bertanding di PESAYA pada November akan datang.

"Setelah menjalani sesi pemilihan, mereka ini akan mengikuti sesi latihan intensif yang akan bermula minggu hadapan pada masa dan lokasi yang akan ditentukan kemudian," katanya kepada *Wilayahku*.

Zity yang juga merupakan antara lima peserta terbaik, mengaku teruja apabila terpilih untuk mewakili YWP.

"Saya memang gembira apabila diumumkan juara untuk sesi pemilihan tempoh hari namun usaha dan latihan masih diperlukan kerana untuk bertanding di peringkat PESAYA kelak saya memerlukan lebih banyak jatahan pin," ujarnya.

Tambahnya yang merupakan kali kedua berpeluang mewakili YWP ke PESAYA, penganjuran kali ini menasarkan pingat emas bagi kategori boling wanita.

"Saya pernah sertai PESAYA ke-13 dan berlangsung pada 3 hingga 13



SEBAHAGIAN peserta pada sesi pemilihan pemain yang diadakan di Ampang Superbowl, Berjaya Times Square baru-baru ini.



ZITY bersama juara kategori lelaki, Mohd Farhan Azhari bersama hadiah wang tunai masing-masing.

kedua dengan perbezaan marta hanya enam jatahan pin. Jadi, pada penganjuran kali ini, saya hanya mahu menasarkan tempat pertama," ujarnya yang sudah mencebur dunia boling sejak berumur 10 tahun.

Tidak menafikan kemungkinan akan muncul bakat baharu namun baginya, latihan yang berterusan secara konsisten mampu mencapai kejayaan.

"Bagi mencapai sasaran tersebut, sesi latihan akan dijalankan dengan bimbingan seorang jurulatih berpengalaman. Saya akan mengasah lagi kemahiran permainan sehingga mampu mencapai purata 200 mata," ujar Zity.

Sebagai rekod, PESAYA yang berlangsung pada 3 hingga 13

November akan datang di Sarawak merupakan penganjuran kali ke-14 yang mempertandingkan 10 jenis sukan. Ia akan dikelolakan oleh Yayasan Sarawak dengan kerjasama Majlis Sukan Negeri Sarawak. WK

## FAM pergiat usaha kenal pasti pencari bakat

**PERSATUAN** Bolasepak Malaysia (FAM) akan mengenal pasti, melatih dan melantik pencari bakat melibatkan semua jenis pertandingan bola sepak di seluruh pelosok negara.

FAM, menerusi kenyataan memaklumkan menerusi platform Skim Pembangunan Bakat (TDS) Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA), pencarian bakat melibatkan jurulatih serta individu yang mempunyai kebolehan tersebut.

Perkara tersebut diputuskan FAM menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan Pembangunan dipengerusikan oleh Datuk S. Sivasundaram.

Menurut kenyataan itu, TDS merupakan platform disediakan pihak FIFA kepada ahli gabungannya untuk membantu individu terlibat melakukan pencarian bakat dengan cara dan kaedah yang bersistematis.

Dalam pada itu, FAM mencapai kata putus meletakkan had umur bagi Piala Presiden daripada Bawah 21 Tahun (B-21) kepada B-20 manakala



Piala Belia dari B-19 kepada B-18 selaras dengan kitaran had umur bagi pertandingan Konfederasi Bolasepak Asia (AFC).

Selain itu, program akar umbi bagi tahun 2023 turut akan diperkasa dengan matlamat mendapatkan keahlian emas Piagam Akar Umbi AFC yang mana FAM kini memegang keahlian perak.

"Liga SupaRimau B-12, B-14 dan B-16 akan dimainkan sehingga pusingan akhir peringkat kebangsaan (liga secara kompetitif) manakala bagi kategori B-6, B-8 dan B-10 akan lebih fokus ke arah pembangunan iaitu tanpa carta kedudukan liga kerana ia akan dijalankan secara konsep festival," menurut kenyataan itu.

Hasil mesyuarat turut menetapkan satu jalinan kerjasama dengan Persatuan Sukan Orang Pekak Malaysia (MSDeaf) diadakan dalam penyediaan bantuan teknikal termasuk calon sesuai sebagai ketua jurulatih bagi menjalankan program berkaitan mereka.

- BERNAMA



## Mara Digital bantu anak muda berniaga

**M**AJLIS Amanah Rakyat (Mara) diarah meneruskan projek Mara Digital bagi membuka peluang kepada anak muda bumiputera membatikan diri sebagai usahawan teknologi maklumat (IT) yang kekal menjadikan trend pasa masa ini dan akan datang.

Perdana Menteri, **Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob** berkata beberapa Mara Digital sudah diwujudkan, iaitu di Shah Alam, Selangor; Kuantan, Pahang dan Ipoh, Perak, selain beberapa lagi lokasi yang dikenal pasti termasuk Larkin, Johor; Kuala Terengganu, Terengganu; Kota Bharu, Kelantan; Kuching, Sarawak serta Kota Kinabalu, Sabah.

### BACA POJOK SEMARAKKAN KEMBALI MARA DIGITAL MUKA SURAT 7

Bagaimanapun, beliau berkata, setelah Pakatan Harapan (PH) mengambil alih pemerintahan selepas pilihan raya umum ke-14 pada 2018, Mara Digital ditutup dan projek baharu tidak diteruskan.

"Mara Digital sangat dekat di hati saya. Saya yang wujudkan bagi membangunkan usahawan Bumiputera dalam bidang IT dan gajet sama ada menjual produk, membaiki (peralatan rosak) dan lain-lain," katanya dalam catatan Facebook baru-baru ini.

Terdahulu, Ismail melakukan tinjauan mengejut di Mara Digital Kuala Lumpur yang turut

disertai Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Mahdzir Khalid.

"Alhamdulillah dalam tinjauan, peniaga memaklumkan masih mampu meneruskan perniagaan kerana jualan semakin meningkat, cuma (mereka) memerlukan sokongan daripada Mara seperti promosi, bantuan pinjaman, pengurangan kadar sewa dan lain-lain," katanya.

Bernama melaporkan sejak mu- la beroperasi pada Disember 2015, Mara Digital Mall yang pertama tengah-tengah Kuala Lumpur menyediakan platform kepada usahawan teknologi maklumat (IT) memasarkan produk mereka kepada pelanggan secara lebih meluas.

Walaupun mengalami pasang surutnya, pusat beli-belah yang terletak di lokasi strategik di bangunan Mara di Jalan Tuanku Abdul Rahman itu terus menawarkan kemudahan kepada usahawan IT dengan mengenakan kadar sewa pada kadar yang lebih rendah berbanding tempat lain.

Peniaga Azmil Asrop, 34, pemilik Setia IT Solution yang menawarkan khidmat membaiki dan menyelenggara komputer, berkata beliau telah menjalankan perniagaan di situ sejak mula ia dibuka dan bersyukur perniagaannya dapat terus bertahan walaupun ada turun naik dan pasang surutnya.

"Awal empat tahun, jualan baik



ISMAL Sabri (kanan) beramah mesra bersama seorang peniaga Mara Digital di salah sebuah kompleks beli-belah di ibu kota baru-baru ini.

enam tahun berniaga di sini, saya han RM18.4 juta pada November juga (sudah) ada pelanggan tetap.

"Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan, kami diberi pengecualian

bayaran sewa selama tiga bulan dan sewa di sini (juga) murah berbanding tempat lain. Walaupun ada (sesetengah) orang yang tak tahu kewujudan Mara Digital Mall ini, kami harap pihak pengurusan boleh tingkatkan lagi promosi," katanya.

Dilaporkan inisiatif Mara Digital Mall telah mencatatkan perole-

han RM18.4 juta pada November 2016, iaitu selepas setahun ia diwujudkan.

Pengusaha Liman Empire, Noorasyikin Shafie, 24, yang baru sahaja beroperasi enam bulan lepas, bersetuju bahawa lokasinya yang terletak di tingkat tiga telah mengehadkan kedatangan pengunjung ke premisnya berbanding kedudukan kedai di tingkat bawah.

"Jualan tidak begitu teruk dan kami masih mempunyai pelanggan yang datang ke kedai kami tetapi

Imbas kod QR untuk tonton video berita ini.



bilangannya tidak ramai, jadi kami ambil inisiatif sendiri, promosikan kedai melalui platform dalam talian seperti Shopee, Lazada, Facebook dan TikTok.

"Kami tidak boleh terlalu bergantung kepada pelanggan yang datang ke kedai, jadi kami perlu gunakan media sosial untuk iklankan produk dan kedai kami, biasanya kami galakkan pelanggan kami untuk datang ke kedai kerana biasanya mereka lebih suka membeli komputer secara fizikal berbanding secara dalam talian," katanya.

Susulan lawatan mengejut Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob ke pusat beli-belah itu pada Isnin, beliau berkata Majlis Amanah Rakyat (MARA) telah diarah untuk meneruskan projek MARA Digital bagi membuka lebih banyak peluang kepada belia bumiputera menceburan bidang keusahawanan IT.

Beliau berkata beberapa pusat MARA Digital telah ditubuhkan setakat ini iaitu di Shah Alam, Selangor; Kuantan, Pahang dan Ipoh, Perak, manakala lokasi lain yang telah dikenal pasti ialah Larkin, Johor; Kuala Terengganu, Terengganu; Kota Bharu, Kelantan; Kuching, Sarawak dan Kota Kinabalu, Sabah.

Pembukaan MARA Digital sebagai pusat jualan peralatan telekomunikasi dan IT pada 2015 dicetuskan oleh Ismail Sabri yang pada ketika itu Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. **WK**

## FINAS, Syamsul sepakat hapus 'barah' industri profileman Malaysia

### DEEL ANJER

**PENGARAH** filem Mat Kilau, **Syamsul Yusof** mengaku terharu dengan kesudian Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS), Profesor Dr Md Nasir Ibrahim, berkongsi idea demi industri filem.

Menurut Syamsul, penglibatan Nasir mampu membawa sinar atau harapan baharu kepada para penggiat filem.

"Saya berterima kasih kepada Profesor Dr Nasir yang merupakan orang paling besar dalam industri profileman, kerana sudi berjumpa dengan saya dan berbincang bersama beberapa penerbit yang lain.

"Kami membincangkan masalah-masalah dalam Industri yang selama ini saya suarakan.

"Saya sangat terharu apabila saya mendengar sendiri daripada Prof Dr Nasir, rupa-rupanya beliau pun ada agenda yang lebih jelas, sama seperti saya, iaitu ingin mengangkat industri profileman Malaysia ke tahap yang lebih baik."

"Kami masih berjuang sebab perkara itu bukan senang. Bukan jumpa terus settle," katanya.

Syamsul berkata, pertemuan bermakna itu membuatkan dirinya lebih bersemangat menghapuskan unsur-unsur negatif yang masih 'bersarang' dalam industri filem negara.

"Baru saya benar-benar faham sekarang ini mereka telah mengambil beberapa langkah. Contoh cukai yang tinggi untuk industri filem Malaysia, masalah cetak rompak digital.



SYAMSUL (kiri) bersama Nasir sejurus sesi pertemuan baru-baru ini.

"Itu saya memang tahu dan saya perlu bawa isu ini kepada pihak yang berwajib sebab ini

ialah satu barah dalam industri profileman Malaysia.

"Inilah masanya untuk kita berubah yang boleh saya katakan. Cuma saya sarankan kepada pengkarya di luar sana, penerbit filem dan pengarah filem, beri sokongan juga untuk kita lebih mengenali dan mengetahui masalah-masalah sebenar."

"Mungkin kehadiran anda akan memberi impak yang sangat besar untuk industri filem pada masa depan," ujarnya lagi.

Dalam perkembangan lain, Syamsul kini menjadi harapan ramai penggiat seni yang mahukan penglibatannya dalam menghasilkan filem epik.

Terbaru, aktres terkenal Maya Karin menyuarakan hasrat agar Syamsul menterjemah watak legenda, Mahsuri ke layari perak. **WK**